



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' HJ. MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD
MUFTI KERAJAAN NEGERI KELANTAN
2008-2015

OLEH:

AHMAD ZAIM FIKRI BIN KAMARUL ZAMAN (2013154331)
MUHAMAD SYAZWAN BIN SAFIAN (2013929603)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

DATO' HJ. MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD

MUFTI KERAJAAN NEGERI KELANTAN

2008-2015

OLEH:

AHMAD ZAIM FIKRI BIN KAMARUL ZAMAN (2013154331)

MUHAMAD SYAZWAN BIN SAFIAN (2013929603)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Alhamdulillah. Pada mulanya kami ingin panjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T Kerana dengan izin-Nya kami telah dapat menyiapkan kerja kursus Sejarah Lisan dengan jayanya. Di kesempatan ini juga kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih khas buat pensyarah kami iaitu Puan Nurulnisa Binti Abdullah yang mengajar subjek IMR604-Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan] kerana memberikan pembelajaran yang baru kepada kami dalam menyiapkan tugas yang menarik ini. Beliau telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami bagi memudahkan kami mengetahui lebih lanjut tentang proses sejarah lisan ini dilakukan. Puan Nurulnisa bt Abdullah telah memberi garis panduan yang lengkap kepada kami.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang amat kami kagumi iaitu Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad merangkap jawatan sebagai Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang proses penyiapan kerja khusus ini amatlah bermakna bagi kami. Kami bersyukur dipertemukan dan dapat menjalankan tugas ini dengan orang sebaik beliau.

Kami juga ingin ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami kerana sudi membantu dan berkongsi ilmu. Akhir sekali, ucapan terima kasih turut diucapkan kepada ibu bapa kami yang sentiasa mendoakan kejayaan kami. Tanpa bantuan semua pihak yang disebutkan, mungkin kami akan menghadapi banyak kesukaran dalam menyiapkan tugas ini. Bidang ini memberi banyak pengetahuan dalam penyelidikan mengenai dokumentasi oral. Kami benar-benar bersyukur kerana boleh menggunakan pengetahuan ini pada masa akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii-iv
Abstrak.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-ix
Pengenalan.....	x-xiii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-12
Bahagian 2: Latar Belakang Keluarga.....	12-18
Bahagian 3: Latar Belakang Pendidikan.....	18-24
Bahagian 4: Peranan Jabatan Mufti.....	25-32
Bahagian 5: Sumbangan Beliau	32-34
Bahagian 6: Tentang Isu-isu semasa.....	34-57
Rujukan.....	
Lampiran	
Log Wawancara.....	58-62
Diari Kajian.....	62-63
Senarai soalan.....	64-69
Surat Perjanjian.....	70-71
Gambar.....	72-73
Indeks.....	74-75

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar. Temubual ini dilakukan bersama Mufti Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Mufti yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Temubual ini telah dijalankan di pejabat beliau di Majlis Agama Islam Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 19 Mei 2015 bermula pada jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad adalah merupakan bekas tenaga pengajar di Sekolah Menengah Ugama Maahad Muhammadi di Kota Bharu. Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad mula berkhidmat dengan kerajaan sejak 1990 sebagai timbalan mufti dan berbula 1 Januari 2008 beliau mula dinaikkan pangkat sebagai Mufti Kerajaan Negeri. Tugas Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad bukan hanya terhad kepada perkara dalam negeri, malah meliputi pelbagai perjumpaan dan perbincangan di peringkat kebangsaan. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad sebelum berkhidmat dengan Jabatan Mufti Negeri Kelantan ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

Kata kunci: *Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad, mufti kerajaan negeri Kelantan, mufti, fatwa, Islam, kerajaan, peranan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Rajah 1 : Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad

1. LATAR BELAKANG PERIBADI

1.1 Nama: Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad

1.2 Jawatan: Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.

1.3 Tarikh perkhidmatan : 01 Januari 2008 - Sekarang.

1.4 Tarikh Lahir :

1.5 Umur: '

1.6 Asal: Kota Bharu, Kelantan

1.7 Hobi : Bermain Badminton

1.8 Isteri :

Anak-anak :

2. KELULUSAN AKADEMIK

TAHUN	KELULUSAN	UNIVERSITI/INSTITUSI
	Diploma Khursus Dalam Cuti (KDC)	Institut Perguruan
1988	Diploma Syariat Walkanun (TIDAK HABIS BELAJAR)	Universiti Ainun Syam, Mesir.
1968	Sijil BA, Bidang Syariat Walkanun.	Kolej Islam Antarabangsa, Nilam Puri.
1963	Sijil Empat Sanawi	Maahad Muhammadi Kota Bharu.

3. PENGLIBATAN DALAM KERJAYA

Tarikh	Keterangan
1974	Menjadi guru di Sekolah Sultan Abdul Jalil Johor, Kluang Johor.
1982	Berkhidmat di Sekolah Menengah Ugama Falahiah.
1989	Berpindah perkhidmatan kepada Pegawai Agama di Majlis Agama Islam Kelantan
1990	Dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Mufti di Jabatan Mufti Negeri Kelantan.
1 Januari 2008	Dinaikkan pangkat menjadi Mufti Negeri Kelantan. (Gred Utama 'C' VU7)

PENGENALAN

PENGENALAN



Kewujudan Jawatan Mufti dalam Pentadbiran Agama Negeri Kelantan telah lama. Ada yang mengatakan 1830 dan ada yang mengatakan 1845. Peranan institusi Mufti pada ketika itu cukup besar melibatkan eksekutif yang melibatkan soal baitulmal, zakat, masjid, mengawal pelacuran, sekolah agama dan menentukan mukim. Kedua, melibatkan kehakiman iaitu selari dengan tahap kemajuan Negara, fungsi dan tanggungjawab Jabatan Mufti telah berkembang dan menjadi lebih kompleks sebagai agensi utama yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal hukum syarak di peringkat negeri. Berteraskan tradisi kecemerlangan organisasi yang memupuk budaya kerja berprestasi tinggi, seiring dengan program transformasi di Jabatan Mufti mempunyai tanggung jawab untuk menggalak dan menyokong Jabatan Mufti negeri-negeri untuk membangun keupayaan anggota dalam melaksanakan fungsi-fungsi anggotanya secara strategik, cekap dan berkesan. Institusi Mufti atau Fatwa adalah sebahagian daripada institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia yang bertanggungjawab dengan pengeluaran fatwa, cerapan hilal, taqvim solat dan sebagainya. Selari dengan tahap kemajuan Negara, fungsi dan tanggungjawab Jabatan Mufti telah berkembang dan menjadi lebih kompleks sebagai agensi utama yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal hukum syarak di Negeri Kelantan.

MENGENAI JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

Visi

Beriltizam Menjadi Institusi Mufti Yang Berwibawa dalam memartabatkan Syariat Islam.

Misi

Memperkasa Kecemerlangan Pengurusan Institusi Mufti Secara Cekap dan Berkesan.

Objektif

1. Menyemak Hukum Dan Memproses Fatwa Yang Dikeluarkan Dari Dalam Dan Luar Negeri Untuk Diselaraskan.
2. Menyemak Dan Mengkaji Fatwa-Fatwa Lama Dan Kesesuaiannya Dengan Kehendak Semasa.
3. Mengurus Dan Mengendalikan Persidangan, Multaqa, Seminar, Bengkel Dan Segala Mesyuarat Yang Berkaitan.

Fungsi Bahagian Fatwa

1. Merancang Dan Mengurusetikan Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK Bagi Membincangkan Isu-Isu Hukum /Fatwa.
2. Menyelidik Dan Menyediakan Laporan, Kertas Kerja Untuk Dikemukakan Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK.
3. Mengurus Pewartaan Keputusan - Keputusan Jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK.
4. Merancang Dan Menguruskan Aktiviti Untuk Menyebarkan Fatwa-Fatwa Yang Telah Diputuskan Oleh Jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK Sebagai Panduan Umat Islam.

5. Membuat Penelitian Dan Menyediakan Jawapan Hukum Syarak Bagi Segala Kemusykilan Agama Yang Dirujuk Ke Jabatan Mufti Oleh Pihak Kerajaan/Majlis Agama/ Badan Berkanun Dan Ahli Masyarakat.

SEJARAH JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

Bil.	Tarikh	Peristiwa
1.	1830	Kewujudan Jawatan Mufti dalam Pentadbiran Agama Negeri Kelantan. Sultan Muhamamad I melantik Tuan Sheikh Abdul Halim.
2.	1845	Sultan Muhamad II melantik Tuan Haji Yaakub bin Hj. Abdul Halim.
3.	1982	Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti berdasarkan Seksyen 6 Bahagian II Pentadbiran dalam perkara Pelantikan Mufti, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (No.3 tahun 1982).
4.	1994	Seksyen 33 – 39 Enakmen Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 ditubuhkan bagi menentukan Pelantikan Jemaah Ulama’.
5.	2011	Pelan Strategik Jabatan Mufti 2011-2015 diwujudkan bagi memikul tanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal Islam di negara ini.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang wawancara sejarah lisan bersama Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad berkaitan penglibatan beliau dari awal tahun 1990 sebagai timbalan mufti dan pada 01 Januari 2013 dilantik sebagai mufti kerajaan negeri Kelantan. Beliau telah memegang jawatan tertinggi di Jabatan Majlis Agama Islam Kelantan iaitu sebagai mufti. Wawancara ini dijalankan di pejabat mufti di Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) iaitu pada jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Kami telah memilih Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad berdasarkan kisah hidup dan sumbangan yang telah banyak diberikan khususnya kepada negeri Kelantan serta kepada negara. Penglibatan beliau sebagai mufti telah memberi impak yang baru bagi menaikkan imej agama Islam di Malaysia. Wawancara ini telah dikendalikan oleh dan dibantu oleh. Berikut adalah hasil rakaman yang telah siap dilakukan. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

DMS : Dato' Hj. Mohamad Shukri
Bin Mohamad
AZF : Ahmad Zaim Fikri Bin
Kamarul Zaman

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

AZF : Assalamualaikum Dato.

DMS : Waalaikumussalam warahmatullahi waabarakatuh.

AZF : **Boleh tak terangkan nama penuh Dato' Mufti?**

DMS : Ya, nama saya Muhamad Syukri bin Mohamad, (S-H-U-K-R-I)

AZF : **Okay (Baik). Bilakah Dato Dilahirkan?**

DMS : Tarikh lahir saya dari segi masihinya

dan kalau tahun mengikut tahun hijrinya ialah

hari Isnin

hijrah.

AZF : **Dimana Dato mufti dilahirkan?**

DMS : Kalau secara kasarnya ialah Kota Bharu tetapi kalau *specific* (tepat) nya Kampung

Kampung Dato Mufti Kota Bharu iaitu

bersebelahan dengan Istana Kota Lama.

AZF : **Bolehkah tak terangkan kepada kami dimana tempat Dato' dibesarkan?**

DMS : Saya sebenarnya ada *dua* [2] tempat lah, satu bila ibu saya dan ayah saya berpisah

bercerai saya dipelihara oleh datuk saya neneklah kita panggil, nenek yang

suaminya itu merupakan datuk tiri. Maknanya datuk tiri saya ni namanya

dia yang

memelihara saya ketika umur *dua* [2] tahun iaitu ibu dan ayah saya berpisah ketika itu dan saya dibesarkan di Kampung Sireh. Maknanya saya dibesarkan diremajakan di Kampung Sirih dan apabila nanek saya meninggal dunia pada tahun *sembilan belas lima puluh tujuh* [1957] saat negara kita mencapai kemerdekaan ketika itu, saya beralih ke daripada duduk dengan datuk tiri itu saya beralih [berpindah] tempat duduk dengan ibu saya. Maknanya saya berbapa tiri pula lah. Seperti masa dulu datuk tiri. Jadi saya beralih [berpindah] ke rumah ibu saya di kubur Kuda. Jadi saya dibesarkan dan diremajakan di Kampung Sirih. Kemudian seterusnya di Kubur Kuda. Kedua-dua ni [ini] *tak* [tidak] jauh Kampung Sirih dan Kubur Kuda itu macam berjiranlah.

AZF : **Berapa tahun Dato' duduk [tinggal] dengan nenek beralih dengan ibu?**

DMS : Ooo... Itu saya maknanya daripada umur *dua* [2] tahun sampai umur *tiga belas* [13] tahun.

AZF **Bersama dengan nenek?**

DMS : Bersama nenek, kemudian dengan ibu saya tu sesudah saya umur barang kali.... saya tidak duduk [tinggal] terus pergi dengan ibu saya juga saya berulang-alik. Maknanya dengan datuk tiri walaupun datuk tiri macam datuk sebenar sebab dia ada anak seorang sahaja, kemudian cucunya saya seorang sahaja cucu, cucu tiri

pun macam cucu sendirilah sebab anak dia pun berkahwin apa semua. Jadi saya dibesarkan berkebetulan datuk tiri saya ni kita panggil orang yang orang zaman dulu kata “Tok Lebai” lah dia jenis “Lebai” lah.

Jenis “Alim”?

Bukan “Alim”. Tok Lebai ini maknanya lebai jadi iman untuk jadi “Iman” untuk sembahyang hajat. Jadi saya besar dengan dia kemudian bila umur dalam umur *tiga belas* [13] ke *empat belas* [14] tahun saya berpindah tinggal dengan ibu saya sehinggalah saya tamat sekolah menengah di Maahad Muhammadi Kota Bharu. Maahad Muhammadi masa *tu* [itu] dia *tak* [tidak] ada lelaki perempuan sebab lelaki sahaja Mahad Muhammadi itu lelaki lah.

AZF Sebenarnya Dato’ ada berapa orang adik beradik dan Dato’ anak keberapa?

DMS : Kalau seibu sebapa saya anak ke *dua* [2] sebab abang saya *tu* [itu] meninggal dunia ketika umur beberapa bulan saja. Jadi anak yang yang ke *dua* [2] kalau kiri seibu sebapa lah.

AZF Kalau dalam sudut lain seibu sebapa saja *ke* [atau]?

DMS : Dia kalau dah abang saya itu meninggal dalam umur belum setahun pun jadi maknanya kalau apa ni....

AZF Adik beradik seibu sebapa dato ada 2 orang?

DMS : Jadi kalau seibu sebapa saya dengan abang saya sahaja lah. Tetapi kalau apa ni.. adik beradik sebapa ada *enam* [6] orang, kalau adik beradik seibu ada *tiga* [3] orang.

AZF Boleh tak beri gambaran kepada kami tentang katurunan Dato' sebelah ayah?

DMS : Ya lah, Maknanya, ayah saya ni dia pendidikan awalnya asasnya pondok, maknanya dia belajar di pondok lah. Tetapi tidak berapa lama dia meninggalkan pondok dan menyertai askar melayu diraja. Dan jadi askar lah selama *tiga belas* [13] tahun jadi askar melayu. Kemudian berhenti askar melayu ni dia terlibat dalam perniagaan sehingga keakhir dia. Maknanya kita boleh beritahu bahawa ayah saya *ni* [ini] pesara askar dan juga ahli perniagaan. Ibu saya, *kedua-duanya* [dan ayah saya] orang Kota Bharu. Maknanya ibu saya orang Lorong Minyak Gas dan ayah saya ni ialah Lorong Che Su Jalan Che Su dekat Kampung River View. Jadi dicerai oleh Kampung Gajah Mati jadi ayah saya asalnya di situlah sejak masa dulu dia panggil Lido, Kampung Lido sebab ada panggung wayang Lido-Lido. Emak saya Lorong Minyak Gas sebab ada tangki minyak Shell yang terbesar di Kota Bharu jadi lorong minyak gas satu ayah saya Rido jadi kalau nak di latar belakang nya secara tidak boleh disahkan lah. Cuma ada cerita mengatakan

asalnya dari sebelah Pethani. Jadi sebelah Pethani tu.. Jadi moyang saya tu daripada Phatani datang dan lalu kahwin di Lido tu lah maknanya kampung asal saya di Lido. Sekarang dia panggil dia panggil Jalan Tengku Semarak atau Lorong Che Su di situ asalnya. Jadi saya pun tak tahu atas sana dari keturunan katakanlah dari sebelah Phatani tu kita *tak* [tidak] berapa jelas sangat latar belakang dia tu ada menceritakan. Bahawa daripada Phatani ni adalah orang yang berpendidikan agama jadi sampai ke hari pun kata keluarga saya belah Phatani tu memang menjuarai pondok-pondok begitu. Tetapi saya tak mengesahkan, saya pun *tak* [tidak] sempat pergi tapi di ceritakan. Walau macam manapun kita lihat disini lah maknanya latar belakang ayah saya *tu* [itu] memang latar belakang agama lah sebab dia berpendidikan pondok di Pasir Mas, Pondok Siram.

AZF **Adakah ayah Dato' masih ada [hidup] atau pun [meninggal]?**

DMS : Ya, sudah meninggal lah.

AZF **Pada umur berapa?**

DMS : Umur ayah sekitar umur *tujuh puluh enam* [76] tahun gitu [begitu] ibu saya sekitar umur *lapan puluh* [80].

AZF **Ketika itu Dato' dalam umur berapa?**

DMS : Dah sekarang *dah* [sudah] kerja sini dah.

AZF **Pekerjaan ayah Dato' sewaktu beliau [hidup]?**

DMS : Tadi lah askar melayu diraja, kemudian ahli perniagaan lah.

AZF **Kalau ada boleh tak ceritakan tentang gelaran Dato' di kampung sewaktu kecil?**

DMS : *Tak* [tidak] ada gelaran lah.

AZF **Perangai Dato' ketika kecil ada tak yang istimewa?**

DMS : Saya diberi yang saya ingat dan diberi tahu oleh “budak nakal” lah, sebab tinggal dengan datuk nenek yang maknanya nenek saya tu adalah guru Al-Quran jadi ramai murid-murid yang belajar Quran jadi kerja saya menyembunyikan selipar-selipar murid-murid *tu* [itu]. Itu lah kalau tak menyembunyikan pun tukar selipar, selipar ini letak dengan orang ini jadi orang yang belajar kata ini mesti kerja
kalau masa *tu* [itu] budak lah maknanya *lima* [5] tahun belum bersekolah. Jadi kemudian bila dah saya katakan tadi remaja tu memang saya di didik oleh datuk tiri saya tu kearah keagamaan maknanya saya umur belasan tu sudah baca khutbah di kampung sudah di beri khutbah hari raya.

AZF : Dato’?

DMS : Ya, oleh sebab saya katakan tadi datuk saya tu dia “lebai” kan jadi dia imam kemudian untuk khutbah hari raya dia serahkan kepada saya lah, itu belasan tahun tu. Jadi tu yang kalau nak kata ada gelaran tu tak ada gelaran lah.

AZF : Tentang hobi Dato’?

DMS : Saya hobi saya masa remaja bermain bola sepak dengan *tu* [itu] sukan lah maknanya bola sepak dengan badminton.

AZF : Hobi?

DMS : Ya, hobi.

AZF : Ada tak sejarah istimewa tentang hobi ni?

DMS : Ya lah maknanya kalau saya di sekolah Maahad itu pernah menjadi apa tu..memimpin lah pasukan badminton dan beberapa tahun. Makna kalau di sebut dalam bahasa inggeris *school player* [pemain sekolah] lah. Main soccer [pemain] Maahad. Bola sepak pun tapi saya *tak* [tidak], orang kata *tak* [tidak] hebat dalam bola sepak hanya sentiasa *reserve* [gantian], ketika ada kawan-kawan sakit apa

baru kita masuk. Tapi maknanya *school team* [pasukan sekolah] juga lah. Tapi badminton memang saya bukan saja di sekolah tapi di Kampung Sireh tu pun saya ni adalah mewakili Kampong Sireh, pemain nombor *tiga* [3]. Maknanya *first single* [berseorangan pertama] Idris, *second single* [berseorangan kedua] Halim, *third single* [berseorangan ketiga] ni saya. Kalau *double* [berdua] bergu ni *first* [pertama] disitu. Dan saya main badminton ni sampai sekarang. Maknanya umur dah *tujuh puluh* [70] tahun pun seminggu sekali saya ada main. Tapi masa saya jadi guru dulu saya beralaih daripada badminton kepada tenis itulah hobi saya. Selain daripada hak hobi amalan biasa ni ialah membaca. Sebenarnya membaca ni *tak* [tidak] boleh kata hobi, keperluan dan kewajipan sebab tu saya *tak* [tidak] masuk dalam hobi.

AZF : Kita pergi soalan akhir dalam rangka *personality* [perseorangan]. Kira-kira dalam tempoh persekolahan dulu apakah cita-cita Dato' dengan jawatan yang disandang sekarang?

DMS : Ooo...saya sebenarnya kita bersekolah aliran agama ini, kalau nak tanya cita-cita memang *tak* [tidak] ada cita-cita dia tak tahu semasa saya belajar dulu tidak ada orang yang memberi bimbingan kaunseling apa *tak* [tidak] ada kita hanya masuk dalam kelas didik oleh guru-guru kita. Guru-guru yang mursyid ni guru-guru lepasan Mekah ni dia *sembilan puluh* [90] peratus guru-guru Maahad itu lepasan Mekah. Jadi walaupun tidak ada guru bimbingan secara khusus guru-guru ini yang mendidik kita tidak meletakkan sesuatu target yang kita nak capai dia sentiasa

membasuh fikiran kita hari-hari ni ialah kepentingan belajar. Jadi soal apa nak jadi masa akan datang dia *tak* [tidak] timbul. Tapi guru-guru saya, saya ingat cukup bernasib baik lah sebab dia selalu memberi bimbingan kepada kita, dia kata oleh kerana ini pelajaran kita ni tidak DMS iktiraf oleh orang lain kita kena belajar juga hak orang lain supaya mereka mengiktiraf hak kita. Sebab itu pelajar-pelajar Maahad ketika itu belajar malam untuk ambil SRP. Masa tu belum SRP dia panggil LCE, sama lah. Lepas tu kalau yang SPM *tu* [itu] MCE, jadi sama SPM lah, SPM ni dah dalam bahasa Melayu. LCE tu tukar kepada SRP pada masa tu. Jadi guru-guru ni selalu galakkan kita supaya belajar sendiri malam-malam untuk ambil peperiksaan tu, supaya kalau kita ada SPM kembar dengan Sijil Maahad tu kita akan diterima sebagai guru. Maknanya cita-cita pada masa tu *tak* [tidak] ada lain lah, kalau habis belajar ni jadi guru. Tapi saya, untuk diri saya lah. Bila saya sampai kalau sekarang tingkatan *lima* [5] lah, dulu dia sekolah arab ni dia panggil kelas. Kelas *satu* [1] sampai kelas *sembilan* [9], kalau kelas *sembilan* [9] sama dengan SPM lah. Jadi bila tamat kelas *sembilan* [9] ni sebelum saya tu, sebelum tahun *enam puluh lapan* [68] semua lepasan Maahad boleh jadi guru agama di sekolah-sekolah rendah dibawah kementerian. Tapi tahun saya itu dah penuh, *tak* [tidak] ambil dah, tapi saya bernasib baik lah kerana pada masa itu di Nilam Puri ada di buka pusat pengajian tinggi, dan kita kata PTA (Pusat Pengajian Awam Tinggi) dan bawah kerajaan negeri dan kita sambung belajar di situ *empat* [4] tahun dapat BA. Kemudian kita boleh pergi ke Mesir. Sebab sukatan di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri ni di iktiraf oleh Mesir. Jadi kita kata, kita

keluar tahun *tiga* [3] kita boleh masuk tahun *empat* [4] di Mesir.

Jadi dia panggil ada “MUADALAH”. Jadi bila masuk sana, macam saya habis Nilam Puri dah dapat BA dah Nilam Puri tapi *tak* [tidak] DMS iktiraf oleh kerajaan. Pergi lah hak Azhar masuk sana tahun akhir, tahun *empat* [4] juga kita dah habis tahun *empat* [4] sini pergi tahun *empat* [4] sana kemudian kita lulus lah dan dapat laa ijazah sana.

AZF : Ok. Inshaallah kita beralaih pula tentang keluarga Dato’. Boleh tak ceritakan bilakah dato melangsungkan perkahwinan?

DMS : Ya, saya melangsungkan perkahwinan pada *dua puluh lima haribulan jun sembilan belas tujuh puluh dua* [25 haribulan Jun 1972].

Iaitu sebelum saya melanjutkan pelajaran ke Mesir.

AZF : Ketika itu umur Dato’ dalam berapa?

DMS : Umur dalam *dua puluh tujuh*, [27] tahun.

AZF : Ketika Dato’ berkahwin dengan isteri apakah pekerjaan Dato’?

DMS : Saya belum bekerja sebab saya masih *student* [pelajar] saya masih pelajar dan saya habis Nilam Puri terus isteri saya juga adalah lepasan Nilam Puri kemudian terus

menyambung ke Al-Azhar. jadi kami *tak* [tidak] bekerja lah kami kahwin tidak bekerja tapi sambung belajar.

AZF : Apakah Nama penuh isteri Dato'?

DMS :

AZF : Pekerjaan isteri Dato'?

DMS : Sebaik saja tamat pengajian di al-Azhar itu, kami mohon dengan kememterian pelajaran dan menjadi guru agama Islam pendidikan Islam di sekolah Sultan Abdul Jalil Johor, Kluang Johor dan isteri saya bertugas di Sekolah Menegah Sains Kluang Johor. Jadi guru-guru agama juga lah guru pendidikan agama Islam.

AZF : Sekarang?

DMS Dah bersara lah jadi pesara guru.

AZF Ok, boleh tak gambarkan kepada kami tentang anak Dato' bilangan dan berapa lelaki perempuan?

DMS Ya. Bilangan anak saya sebenarnya *tujuh* [7], tapi meninggal dunia seorang. Jadi yang ada ialah *enam* [6].

AZF Berapa lelaki berapa perempuan?

DMS Kalau campur dengan yang mati *tiga* [3] lelaki, *empat* [4] perempuan. Tetapi oleh kerana mati lahir saja mati jadi yang ada *enam* [6] lah, *dua* [2] lelaki *empat* [4] perempuan.

AZF Tentang pekerjaan anak Dato'?

DMS Anak saya anak yang pertama menjadi pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu. Itu anak saya yang pertama pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu dia jurusan PHD di Lips London, Universiti Lips London.

AZF Dalam bidang?

DMS Dalam bidang psikologi. Jadi dia sekarang bertugas tu lah dia mendapat doktor di Lips lah dia pensyarah di UMT [Universiti Teknologi Malaysia]. Kemudian yang kedua, lepasan *first degree* [ijazah pertama] dia ia (apa tu) sama juga anak pertama saya tadi *first degree* [ijazah pertama] dia UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] Master dia di UTM [Universiti Teknologi Malaysia]. Dan PHD di Lips

hak pertama itu tadi. Yang kedua ni dia BA dia *first* [ijazah pertama] dia di UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] dalam bidang Ilmu Wahyu kemudian Master dia di UM [Universiti Malaya. Dalam bidang Ulu Feqah. Dan sekarang ini menjawat jawatan sebagai hakim syarie di mahkamah syariat.

AZF **Kelantan?**

DMS Kelantan lah.

Tu yang nombor *dua* [2], yang nombor *tiga* [3]. belajar di UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] juga *first degree* [ijazah pertama]. Kemudian Master dalam bidang undang-undang *first degree* [ijazah pertama] dia pun undang-undang Master pun dalam bidang undang-undang UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia]. Tapi dia tak praktis tak jadi peguam dia hanya jadi guru bahasa inggeris sebab pasal suami dia sudah, sudah apa ni dah praktis buka firma sendiri dah jadi saya rasa anak saya ni tak perlu lah walaupun berkelulusan Master dalam bidang undang-undang. Patut dia jadi guru dah, kerana dia nak jaga anak-anak jadi pada saya *tak payah* [tidak perlu] lah jadi peguam itu, sebab pada awalnya anak marah juga hantar suruh ambil undang-undang tetapi akhirnya jadi guru bahasa inggeris. Jadi saya kata pekerjaan hal lain, belajar adalah hal lain jadi kita belajar lah.

AZF **Ok. Yang ke empat [4]?**

DMS Yang ke *empat* [4] dia *first degree* [ijazah pertama] dia UITM [Universiti Teknologi Mara] Arau Perlis. Kemudian sekarang jadi ahli perniagaan.

AZF ***Degree [Ijazah] dalam bidang?***

DMS Apa tu *accounting* [perakaunan]

AZF **Okay [Baiklah], yang seterusnya ke *lima* [5]?**

DMS Yang ke *lima* [5] dia juga.. *Ni* [Ini] tadi satu *tu* [itu] yang UITM [Universiti Teknologi Mara]. Yang ke *lima* [5] ni pun UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] *first degree* [ijazah pertama] dia UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] dalam bidang Ilmu Wahyu. Sebenarnya anak saya yang sulung ilmu wahyu yang ke dua ilmu wahyu yang ke *tiga* [3] saja undang-undang.

“Ooo undang-undang”.

Yang ke *empat* [4] *accounting* [perakaunan] yang ke *lima* [5] ilmu wahyu UIA juga sekarang dia jadi guru pendidikan Islam dan yang *enam* [6] meninggal yang ke *tujuh* [7] lah yang ke *tujuh* [7] *ni* [ini] UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] tapi bidang farmasi. Jadi sekarang bertugas di Kuala Lumpur di hospital lah sebagai farmasis.

AZF *Okay, [Baiklah] Bagaimana cara Dato' mendidik anak ketika kecil?*

DMS Saya barangkali oleh kerana isteri saya pun ustazah saya pun ustaz. Kita bila guru *ni* [ini] sebenarnya *dok* [sedang] banyak mendidik anak orang lain. Anak kita sendiri kita *tak* [tidak] banyak mendidik. Maknanya kita mengajar di sekolah itu lebih banyak daripada mengajar anak-anak kita mengharapkan kita cikgu lain yang mendidiknya walau macam mana pun kita mewujudkan suasana pendidikan *tu* [itu] secara tidak langsung. Kalau tanya anak-anak saya dia kata abah ajar apa? *Tak* [tidak] ajar apa. Jadi dia dapat ilmu dengan guru dia jadi kita hanya begitulah. Maknanya memberi pandangan-pandangan selalu berbincang selalu bercakap selalu berbual dalam secara tidak langsung begitu. Kalau kita pergi sembahyang kita bawa dia pergi sembahyang. Begitulah cara secara tidak langsunglah.

AZF *Okay, [Baiklah] dan dari segi umur anak-anak Dato' sekarang umur berapa?*

DMS Sekarang maknanya anak bersama saya tu umur *empat puluh satu* [41]. anak kedua dah *empat puluh* [40], anak ketiga *tiga puluh lapan* [38], anak yang keempat *tiga puluh lima* [35], anak yang kelima *tiga puluh satu* [31], dan yang bongsu itu *dua puluh enam* [26].

AZF *Ohh..Berapa yang sudah berumahtangga?*

DMS *Lima* [5] dan cucu dah ada *empat belas* [14].

AZF **Sekarang ni ada tak anak dato yang masih tinggal bersama Dato’?**

DMS *Tak* [Tidak] ada saya hanya tinggal berdua, masing-masing dah ada rumah yang ada di Kota Bharu ni masing-masing *dah* [sudah] ada rumah rumah masing-masing. Kemudian *empat* [4] lagi perempuan tu ikut suami lah. Yang pertama tadi *duduk* [tinggal] di Terengganu, yang ketiga *duduk* [tinggal] di Kuantan, yang kelima *duduk* [tinggal] di Kuala Lumpur, yang keenam pun *duduk* [tinggal] di kuala Lumpur.

AZF **Panggilan Dato’ daripada anak-anak?**

DMS Anak panggil “Abah” abah lah, kalau isteri saya dia panggilan *Mommy*. [Ibu]

AZF **Panggilan cucu?**

DMS Kalau cucu panggil “ji’ di”. “Ji’ di” ni datok lah, “Ji’ dun” “ja’ dun” kemudian isteri saya cucu panggil “Tok Ummi”.

AZF **Panggilan anak-anak saudara Dato’ kepada Dato’?**

DMS “Abah” jugak. “Abah Yie”, Sukri di bahasakan “Yie”. “Abah Yie”.

AZF **Sekarang kita ada beberapa soalan tentang akademik.**

DMS Ya.

AZF **Okay [baiklah], dimanakah sekolah rendah Dato' pernah belajar?**

DMS Sebenarnya saya belajar ada *tiga* [3] buah sekolah. Darjah *satu* [1] darjah *dua* [2] di Sekolah Melayu Kampung Sireh, darjah *tiga* [3] saya belajar di Sekolah Langgar. Darjah *empat* [4] beralih ke Padang Garong. Sekolah Padang Garong masih ada sampai hari ni tu dan saya tamat di situ lah Sekolah Padang Garong, Sekolah Melayu Padang Garong.

AZF **Apakah aliran yang diambil Dato' ketika sekolah menengah?**

DMS Saya habis tahun *lima puluh lapan* [58an] [1958] saya menyambung pelajaran selepas merdeka di Maahad Muhammadi di Jalan Merbau Maahad Muhammadi Kota Bharu. Maahad Muhammadi tu sekarang jadi Maahad Muhammadi Perempuan, dulu lelaki. Mahad Lelaki aliran kita panggil aliran Agama Arab.

AZF **Dimanakah Dato menyambung pengajian selepas sekolah menengah?**

DMS Itu lah selepas habis Mahad saya berpeluang menyambung pelajaran di YPTIK (Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri). Iaitu keluaran kerajaan negeri ketika itu dan sukatananya memang sukatan Azhar. Jadi kita belajar di situ bila tamat disitu boleh sambung buat Master di Al-Azhar. Tetapi saya tidak pergi buat master, saya menduduki tahun akhir. Sepatutnya saya dah buat Master dah dah tamat dah tapi di Nilam Puri tapi saya pergi duduk tahun akhir. Ramai kawan-kawan saya terus buat Master lah.

AZF **Apakah, boleh tak sebutkan tentang tahap pengajian Dato' daripada sekolah rendah yang tertinggi PHD ke (atau) Master?**

DMS Ya lah maknanya, kalau di peringkat sekolah rendah ni kita -- Apa ni sekolah menengah ni kalau sekolah rendah dia panggil pada masa dulu dia panggil lulus darjah *enam* [6]. Kemudian sekolah menengah bagi saya di Maahad Muhammadi dia panggil ada nama dia *empat* [4] sanawi, sijil *empat* [4] sanawi (Sijil Empat Sanawi). Kemudian peringkat apa ni di universiti nya saya ada *dua* [2] lah, *satu* [1] BA YPTIK iaitu jurusan undang apa ni syariat dan undang-undang, syariat walaupun dia panggil dalam bahasa arab (Syariat walkanun). Dan saya pergi ke Al-Azhar pun memang jurusan yang sama iaitu Syariat walkanun. Dan saya tidak buat Master tapi saya buat diploma pendidikan di Universiti Ainun Syam di Mesir lah. Jadi lepas itu saya sebenarnya saya ada sedikit halangan pada masa buat

diploma pendidikan di Ainun Syam tu, isteri saya sakit. Dia pun buat diploma di Ainun Syam juga. Tapi isteri saya sakit akhirnya kami balik *tak* [tidak] sempat memasuki peperiksaan.

AZF **Diploma *tu* [itu] tak sempat?**

DMS *Tak* [Tidak] sempat. Lagi sebulan lagi nak periksa *tu* [itu] kami dah balik dah pasal sakit. Tapi bila kami mula mengajar kami ambil KDC dia panggil Kursus Dalam Cuti. Tahapnya sama lah dengan diploma. Cuma KDC ni dia panggil apa sijil lah sijil diploma bukan, sijil sijil diploma.

AZF **Adakah Dato' terlibat dengan persatuan ketika di IPTA?**

DMS Saya, Alhamdulillah maknanya semasa sekolah menengah itu pun sudah terlibat dalam persatuan. Kalau di Maahad Muhammadi *tu* [itu] tadi saya pegang badminton. Kemudian saya berada dalam persatuan dakwah, jadi juga pengerusi. Kemudian di Maahad dulu dia ada dia panggil persatuan syarahan maknanya melatih orang-orang orang berucap. Dia ada stu subjek di Maahad Muhammadi ni latihan berucap tiap-tiap hari khamis. Jadi tu pun saya jadi pengerusi lah. Dia panggil dalam bahasa arab dia panggil Lujnah (Session-Lujnah). Jadi bila peringkat universiti memang kita terlibat secara aktif dalam persatuan pelajar. Dan saya selama empat tahun di Nilam Puri tu, di lantik menjadi setiausaha persatuan

pelajar. Dan bila saya pergi ke Mesir senior-senior ni larang dia kata jangan terlibat dalam apa-apa persatuan di Mesir, supaya kita tumpu kepada pelajaran semata-mata. Jadi saya di mesir tidak terlibat dengan persatuan.

AZF Kenapakah Dato' memilih untuk mengambil jurusan syariat?

DMS Dia macam *ni* [ini] orang belajar di sekolah arab pada masa *tu* [itu], macam saya sebut awal-awal tadi dia tidak tahu kemana arah dia *nak* [mahu] *pergi* [tujuan], arah dia *nak* [mahu] tuju kemana. Jadi pada masa Nilam Puri itu ditubuhkan dia hanya ada satu aliran sahaja aliran syariat dan undang-undang. Jadi kita belajar syariat dan undang-undang (syariat walkanun). Dan saya pada masa saya tu dah hampir-hampir berjaya sebenarnya tapi ada satu orang kata teknikallah saya dah tamat Nilam Puri dapat BA *Degree* [ijazah] *tu* [itu] rundingan sudah di buat dengan Universiti Malaya untuk melayakkan saya pergi duduk tahun *satu* [1] pula Universiti Malaya dalam bidang undang-undang. Maknanya hampir-hampir *masak* [selesai] dah perbincangan *tu* [itu], tetapi adalah sesuatu yang saya rasa *tak* [tidak] bolehlah saya sebut dalam temuramah ini, teknikalnya itu. Menyebabkan saya pun *tak* [tidak] boleh pergi. Sepatutnya saya menyambung pelajaran tidak ke Mesir ke Universiti Malaya tahun *satu* [1] dalam bidang undang-undang. Tetapi oleh ada sesuatu ada sebab yang ya lah barangkali tuhan *nak* [mahu] hantar saya ke Mesir jadi *tak* [tidak] dapat menyambung ke Universiti Malaya.

AZF Apakah pekerjaan Dato' pada permulaan tamat pengajian?

DMS Ya habis saja tahun *tujuh puluh empat* [74an][1974] *tu* [itu] saya balik daripada

Mesir saya ditempatkan mengajar di Sekolah Sultan Abdul Jalil Kluang Johor. Sebagai guru pendidikan Islam.

AZF **Tentang sektor sekarang ni, mengapakah Dato' memilih untuk berkhidmat di sector ini?**

DMS Saya lama di Kluang ni *tahun tujuh puluh empat* [74an][1974] sampai *lapan puluh dua* [82an][1982]. *Tujuh puluh empat* [74an][1974] sampai *lapan puluh dua* [82an][1982]. Maknanya saya balik ke Kota Bharu dan bertugas di SMK (A) Falahiah. Bermula *lapan puluh dua* [82an][1982] sampai *lapan puluh sembilan* [89an][1989] *tujuh* [7] tahun *dah* [sudah] di Falahiah. Dan masa saya menjadi guru di Falahiah *tu* [itu] saya sudah berjinak-jinak dengan Majlis Agama Islam. Maknanya salah satu peranan saya di serahkan oleh Maljis Agama Islam ialah menjadi khatib membaca khutbah jumaat di masjid-masjid.

AZF **Ketika itu *tak* [tidak]?**

DMS Saya masih menjadi guru tetapi sebagai khatib undanganlah sebulan sekali saya akan jadi imam dan membaca khutabah di Masjid Muhammadi. Lantaran itu barangkali lah majlis *ni* [ini] melamar saya untuk memegang jawatan di majlis agama. Dan bila saya setuju saya pun tinggal lah pendidikan ini beralih kepada

majlis agama sebagai dia panggil pegawai agama, majlis agama islam dan adat istiadat melayu. Daripada *lapan puluh sembilan* [89an][1989]. Maknanya setahun saya di majlis agama islam dan pihak apa ni kerajaan negeri menawarkan saya pula untuk berkhidmat di majlis jabatan mufti pada tahun *sembilan puluh* [90an][1990]. Jadi tahun *sembilan puluh* [90an][1990] saya jadi timbalan mufti pada tahun *sembilan puluh* [90an][1990]. Jadi tahun *sembilan puluh* [90an][1990] saya jadi timbalan mufti tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990].

AZF **Dato' perpindah?**

DMS Mari ke jabatan mufti tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990]. Kemudian timbalan mufti ni sehinggalah tahun *dua ribu lapan* [2008]. Makna tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] *lapan belas* [18] tahun lah jadi timbalan mufti. Kemudian *dua ribu lapan* [2008] dengan keuzuran mufti yang lama Dato Haji **Abdullah** *uzur* [sakit tua] dia *tu* [itu] dan saya dilantik menjadi mufti pada *satu haribulan satu dua kosong kosong lapan* [01/01/2008] sehingga sekarang lah.

AZF **Sekarang kita beralih pula tentang Jabatan Mufti, Boleh tak Dato' gambarkan kepada kami tentang struktur organisasi dalam jabatan ini?**

DMS Untuk maklumlah Kelantan kita ini ada *lima* [5] institusi agama. Yang induk ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, itu induk. Kemudian yang membantu majlis agama islam ni ialah JAHID (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan). Kemudian istituti *satu* [1] lagi ialah kehakiman Jabatan Kehakiman Syariat. Dan yang akhir sekali yang ke *lima* [5] ialah Jabatan YIK (Yayasan Agama Islam Kelantan). Yayasan Agama Islam Kelantan mentadbir hal-hal pendidikan Islam. Kehakiman dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Syariat. Kemudian Jabatan Hal Ehwal Agama hal-hal dakwah majlis agama Islam hal-hal masjid, pelantikan imam, zakat, jadi itu agihan-agihan tugas. *Satu* [1] lagi nya Jabatan Mufti maknanya untuk bahagian fatwa ialah jabatan mufti.

AZF **Bagi struktur organisasi ada jawatan-jawatan mufti, timbalan mufti?**

DMS Jabatan mufti ni ada dia punya *structure* [struktur] dialah jabatan mufti ni dia ada *empat* [4] bahagian lah. *Satu* [1] bahagian pentadbiran yang keduanya bahagian fatwa, yang ketiganya bahagian falaq, yang keempatnya sumber maklumat. Jadi makna semua tu bahagian-bahagian itu mufti, timbalan mufti dan di bawahnya ada ketua-ketua lah. Di bahagian pentadbiran diketui oleh pegawai *executive*

[pentadbiran]. Di bahagian fatwa di ketuai oleh pegawai fatwa. Kemudian di bahagian falak di ketuai oleh apa ni pegawai falaq. Dan di bahagian sumber maklumat di ketuai oleh pegawai sumber maklumat.

AZF Tentang peranan mufti di bahagian kerajaan?

DMS Seperti yang dikehendaki oleh enekmen. Kerja mufti ni ialah memberi fatwa dalam hal-hal yang di perlukan bukan saja kerajaan swasta, sultan. Maksudnya kerja mufti salah satunya ialah memberi fatwa dan nasihat kepada sultan dalam bidang keagamaan kalau hal-hal lain menteri besar yang menasihati sultan tapi dalam bidang keagamaan mufti lah. Maksudnya dibawah sultan itu ialah mufti dalam bidang hal kefatwaan ini.

AZF Boleh tak sebutkan antara fatwa yang telah mufti, jabatan mufti keluarkan?

DMS Ooo.. Banyak lah yang dikeluarkan kalau sekarang ini sudah sampai *tiga* [3] buah buku lah. Tapi *tak* [tidak] apa la nak sebagai contoh saja, katakanlah *satu* [suatu] ketika masyarakat Siam kematian ketua kaum dia. Jadi dia akan lantik pengganti pelantikan ketua kaum yang baru. Kemudian Kebawah Keduli Maha Mulia Al-Sultan dijemput untuk pergi sama ke majlis tersebut maka sultan setiap perkara yang berhubung kait dengan hukum dia akan rujuk kepada mufti, maka kita

jawapan lah pada Kebawah Keduli Maha Mulia Al-Sultan Tuanku boleh hadir untuk upacara pelantikan ketua kaum yang baru tetapi Tuanku di larang menghadiri upacara pembakaran mayat. Jadi Tuanku Al- Sultan ambil keputusan dua-dua tak pergi, itu sebagai satu contoh bagaimana kita menasihati Al-Sultan. Dalam hal-hal lain misalnya dalam bulan Ramadhan kita *tak* [tidak] boleh benarkan pertunjukan-pertunjukan apa-apa lah apa-apa hiburan tetapi masyarakat Cina dia sentiasa kalau ada program dia samaada bulan ramadhan ke atau malam jumaat *ke* [atau] mengikut peraturan MPKB Bandaraya Islam sebarang hiburan *tak* [tidak] boleh diadakan pada malam jumaat. Maka kalau masyarakat Cina hantar surat kepada MPKB tentu MPKB tidak benarkan. Tetapi MPKB kata *kena* [perlu] mohonlah dengan Tuanku. Maka masyarakat Cina akan angkat surat itu kepada Tuanku. Maka setiausaha sulit Tuanku akan suart itu kepada mufti. Maka mufti kena beri pandangan. Jadi biasa kita beri pandangan bahawa masyarakat Cina *tu* [itu] boleh mengadakan pesta dia dalam kawasan yang terhad bagi mereka sahaja, dengan syarakat tidak mengganggu persekitaran tidak mengganggu umat Islam. Katalah bulan Ramadhan dengan permainan dia *tu* [itu] mengganggu sembahyang tarawikh, itu tidak boleh. Jadi sultan akan lulus permohonon masyarakat Cina *ni* [ini] misalnya berdasarkan kepada nasihat yang diberikan oleh mufti ini.

AZF Adakah mufti ini mempunyai peranan yang khusus dalam menasihati Sultan Kelantan?

DMS Memang lah, memang Sultan akan rujuk kepada mufti apa-apa juga lah, apa-apa dan setakat ini tidak ada satu pun yang bila pandangan mufti itu diberikan yang tidak diterima pakai oleh Sultan. Sultan akan pakai.

AZF Seterusnya boleh tak gambarkan tentang jabatan mufti ini dalam kawasan Kelantan. Tentang penubuhan mufti pertama dan berapa jabatan?

DMS Sebenarnya *tak* [tidak] ada rekod yang mufti pertama itu tetapi perlu di jelaskan bahawa mufti ini adalah institusi agama yang tertua di Kelantan. Sebelum majlis agama Islam dah ada mufti dahulu. Majlis agama Islam ditubuhkan pada *sembilan belas lima belas* [1915]. Tetapi sebelum itu dah ada mufti-mufti. Oleh kerana memikirkan beban mufti itu bertambah berat bertambah berat lalulah ditubuhkan majlis agama Islam. *Tak padan* [Tidak cukup] dengan institusi mufti sahaja. Lalu ditubuhkan Majlis Agama Islam pada *sembilan belas lima belas* [1915] itu cadangan daripada **Tok Kenali, Dato' Laksmana, Dato' Perdana**.

AZF Ada tak rekod tentang berapa orang pernah menjawat jawatan mufti?

DMS Setakat yang dikesan saya ini adalah mufti yang ke *empat belas* [14].

AZF **Tentang pelantikan mufti adakah dia ada *procedure* [syarat] yang tertentu?**

DMS Dia pelantikan mufti ini seperti jawatan-jawatan lain juga lah. [bunyi telefon bimbit] Ia itu di buat oleh suruhanjaya perkhidmatan negeri. [jawab panggilan tetefon]

Ya!

AZF **Tentang *procedure* pelantikan?**

DMS Yalah maknanya perlantikan mufti ini dia tertakluk kepada suruhanjaya perkhidmatan negeri seperti jawatan-jawatan lain lah SPN (Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri). Dan apa ni, perlantikan ini mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Biasanya Sultan lah tunjuk cadangan itu dan yang *follow up* [susulan] nya susulannya dibuat tindakannya oleh suruhanjaya perkhidmatan negeri dan mengikut *procedure* [syarat] SOP yang ditetapkan lah.

Cuma post ni dia post terbuka. Jadi kata lah ustaz, tok guru pondok pun boleh juga mari sini, dia tidak ada syarat kena PHD, ataupun Master, ataupun BA. Tidak, oleh kerana dia post terbuka.

AZF **Adakah lantikan mufti ini secara kontrak ataupun mengikut *procedure* [syarat] yang biasa?**

Mengikut *procedure* [syarat] biasa. Tetapi apabila sudah bersara, macam saya ini

dah bersara. Maka, saya disambung disambung secara kontrak lah.

AZF Adakah negeri Kelantan ini mempunyai ahli penal majlis fatwa?

DMS : Memang ada. Salah satu daripada, dia panggil *structure* [susunan] pentadbiran majlis agama Islam. Dia majlis agama Islam ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Kemudian Yang Dipertua nya ialah Tengku Mahkota, kemudian dia ada Timbalan Yang Dipertua, yang dilantik oleh Al-Sultan lah. Kemudian dia ada untuk pentadbiran majlis agama Islam *tu* [itu] dia ada Ahli Majlis. Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dia ada Ahli Jemaah Ulama'. Ahli Jemaah Ulama' ini lah iaitu Ahli Jawatan Kuasa Fatwa. Jadi Ahli Jawatan Kuasa Fatwa ini Jemaah Ulama' ini dia adalah membantu Kebawah Duli Tuanku dan membantu majlis agama dalam apa-apa persoalan yang dihadapi oleh majlis agama.

AZF Siapakah yang anggotai penal Majlis Ulama'?

DMS : Sekarang ini ada seramai *lima belas* [15] orang lah. Pengerusinya ialah Mufti, timbalan pengerusinya ialah apa ni Dato' Timbalan Mufti, dan yang-yang lain itu terdiri daripada yang sekaranglah, terdiri daripada Dato' Ahli-Ahli Diraja iaitu Ketua Hakim Syarie, Dato' Haji **Mat Rahim** pengarah Jabatan Hal Ehwal. Kemudian prosefer Doktor Kamil Majid pensyarah UM [Universiti Malaya].

Doktor **Abdul Halim Muhammadi** adik kepada **Osman Muhammadi**, dia sudah bersara sekarang. Doktor **Abdul Haie Abdul Shukur** ia ini bekas pensyarah UM [Nuniversiti Malaya]. Ustaz **Wan Hassan** ini bekas guru kementerian pelajaran. Ustaz **Abdul Qadir Muhamad** ini pun bekas pensyarah UM [Universiti Malaya]. Kemudian Ustaz **Rahimi Haji Daud** ini bekas qadi mahkamah syariah Kelantan. Itu dah berapa dah?

Sepuluh [10] dop [tidak]? dua belas [12] dengan saya dan timbalan. Kemudian setiausaha ialah Ustaz Haji **Muqodo Haji Abdullah** pegawai zakat, dia setiausaha.

Kemudian Doktor **Lukman Abdullah** ini pensyarah UM [Universiti Malaya].

AZF **Seterusnya adakah jawatan mufti ini mempunyai tempoh hak perkhidmatan atau sehingga selagi mana diperlukan?**

DMS : Dia pada perinsipnya memang dia ada hak lah, bila sampai umur bersara tamat lah. Tetapi disambung secara kontrak lah sehingga pada masa yang mengikut keperluan lah. Kalau Tuanku berpendapat bahawa orang ini masih diperlukan dia sambung. Kalau dia dah dapat cari ganti yang lain mungkin dia cari ganti yang lain, maka mufti yang sudah bersara ini di tamatkan lah.

AZF **Dimanakah lokasi pejabat mufti dari dulu sampai sekarang?**

DMS : Di awal dulu di dekat sebelah pejabat pos besar *tu* [itu]. Sekarang klinik Anisa', itu jabatan mufti yang lama. Kemudian untuk memberi kemudahan kepada

masyarakat di letakkan di dalam satu komponen iaitu Kompleks Balai Islam.

Disini Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Mufti, dan Jabatan Kehakiman.

Cuma Kehakiman dah ada bangunan sendiri di jalan itu lah jalan, jalan ke Pasir

Mas *tu* [itu] Tunjung, Bandar Baru Tunjung. Dulu *tiga* [3] komponen la disini.

AZF Boleh tak jelaskan tentang bagaimana sesebuah fatwa dikeluarkan procedure dia?

DMS : Prosedure dia, dia kalau mengikut procedure biasa individu ataupun institusi kerajaan atau swasta dia boleh menghantar surat kepada setiausaha Jamaah Ulama' untuk bertanyakan *satu* [1] cara. *Satu* [1] cara lagi terus apa ni *direct* [terus] kepada mufti apa-apa masalah. Jadi dengan mufti ni ada *dua* [2] *tiga* [3] cara lah. *Satu* [1] melalui dengan telefon, *dua* [2] datang sendiri bersemuka, yang ke *tiga* [3] bersurat hantar surat, dan yang ke *empat* [4] perkembangan sekarang lah email dan sebagainya lah.

AZF Habis tentang jabatan mufti kita pergi pula kepada mengenai sumbangan tokoh. Pada tahun bilakah Dato' menjawat jawatan sebagai mufti?

DMS : Tahun *dua ribu lapan* [2008] tadi lah.

AZF **Apakah fatwa yang telah dikeluarkan oleh Dato' semenjak jadi mufti ini?**

DMS : Cukup banyaklah.

AZF **Antaranya, sebutkan antara *tiga* [3] nya?**

DMS : Fatwa yang dikeluarkan ini banyak. Salah satu misalnya. Apa tu katalah ini yang *tak* [tidak] dibuat pun oleh negeri-negeri lain dan baru saja diputuskan oleh muzakarah fatwa kebangsaan iaitu kita membuat fatwa bahawa pernikahan melalui sidang video adalah sah, apabila cukup syarat-syarat dan rukunnya. Katalah suami *duduk* [tinggal] di London isteri *duduk* [tinggal] di Kuala Lumpur, majlis akad nikah itu di Kuala Lumpur. Jadi melalui sidang video suami di London *nu* [sana] jawab saya terimalah nikahnya dengan mas kahwinnya sebanyak tersebut. Itu sah. Jadi itu fatwa yang banyak juga dibantah tetapi pada akhirnya muzakarah fatwa sendiri pun menerima. Itu sebagai *satu* [1] contoh lah. Dan banyak la fatwa ni kita telah bukukan.

AZF **Apakah penglibatan Dato' di peringkat kebangsaan?**

DMS : Di peringkat kebangsaan, saya ada beberapa itu lah beberapa salah satunya ialah saya menjadi ahli kepada muzakarah fatwa kebangsaan, yang keduanya saya dilantik menjadi ahli jawatan kuasa panel kajian syariah, itu yang kedua. Yang

ketiganya ialah saya dilantik menjadi panel syariah kepada PNB (Permodalan Nasional Berhad). Di peringkat kebangsaan juga saya dilantik sebagai seorang salah seorang ahli jawatan Kuasa Dakwah Negara.

AZF **Kita pergi pula tentang soalan mengenai isu semasa. Apakah fatwa yang terbaru yang dikeluarkan oleh jabatan mufti mengenai isu semasa kalau ada?**

DMS : Yang terbaru kita baru mesyuarat pada bulan yang lepas. Sebenarnya setiap kali mesyuarat itu banyak fatwa-fatwa yang kita putuskan, yang terbaru baru-baru ini kita telah bincang tentang umur bayi yang lahir bilakah dianggap dikatakan sebagai anak yang sah taraf, minimanya. Dia maksimumnya *sembilan* [9] bulan ataupun lebih, tetapi yang minima. Maka kita buat keputusan baru ini bahawa sekurang-kurangnya bayi itu dilahirkan *enam* [6] bulan *dua* [2] lahzaf selepas akad nikah di ijab kabulkan itu yang memungkin mereka berdua ni mengadakan hubungan kelamin. Kalau satu *duduk* [tinggal] London satu duduk di Kuala Lumpur *tak* [tidak] memungkinkan ada hubungan kelamin, jadi kalau mengandung itu kita *tak* [tidak] katakan tak sah taraf lah. Tetapi selepas akad nikah yang memungkinkan ada hubungan kelamin samada dia hubung atau tidak, *tak* [tidak] kira itu memungkinkan. Jadi bukan nak tanya awak dah bersetubuh atau belum *takkan* [tidak akan] nak begitu, memungkinkan maka *enam* [6] bulan *dua* [2] lahzaf. Baik, fatwanya nak kiranya *enam* [6] bulan *dua* [2] lahzaf tu macam mana? Jadi kita telah putuskan bahawa kita mengambil kalau pendapat Iman Syafie

seratus lapan puluh [180] hari, iaitu *tiga puluh* [30] hari tiap-tiap bulan itu kali dengan enam (6) dapat *seratus lapan puluh* (180) hari. Tetapi bagi masalah *baby-baby* [bayi-bayi] yang lahir *enam* [6] bulan ni kita kira *seratus tujuh puluh* [170] hari bukan *seratus lapan puluh* [180], Iman Syafie *seratus lapan puluh* [180], iaitu *tiga puluh* [30] *tiga puluh* [30] *tiga puluh* [30] kali dengan *seratus lapan puluh* [180]. Tetapi kita ambil yang mazhab Malik. Mazhab Malik *seratus tujuh puluh lima* [175] hari. Sebab sebulan dalam kalender taqvim hijri itu dia ada *dua puluh sembilan* [29] dan *tiga puluh* [30] kalau kita jumlah-jumlah itu *tak* [tidak] kurang daripada *seratus tujuh puluh lima* [175] hari. Jadi sekarang ini, kalau orang mari jumpa kita dia kata dia kahwin sekian-sekian maka kita kira *seratus tujuh puluh empat* [174] hari maka anak itu adalah anak *tak* [tidak] sah taraf. Tetapi kalau *seratus tujuh puluh lima* [175] ke, *seratus tujuh puluh enam* [176] ke, *seratus tujuh puluh tujuh* [177] keatas ke, anak itu anak sah taraf dan ibu bapa ini boleh pergi tunjuk kepada pihak pendaftaran negara. Sebab pihak pendaftaran negara minta ibu bapa yang anak-anak yang lahir macam ini mendapatkan jawapan daripada mufti. Walaumacama manapun dalam fatwa terbaru ini kita nasihatkan kepada pendaftaran negara tidak lagi rujuk kepada jabatan mufti tapi kenalah rujuk kepada mahkamah syariah. Itu fatwa kita yang terkini lah.

AZF Bagaimana pandangan Dato' tentang undang-undang kanun jenayah syariah yang telah dibentangkan oleh kerajaan negeri Kelantan?

DMS : Ya, saya terlibat dalam pengubalan kanun jenayah syariah tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993] lagi. Makna saya salah seorang lah penal dalam pengubalan kanun jenayah syariah *dua* [2] pada *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993] yang diluluskan oleh dewan undangan negeri. Dan selepas diluluskan itu saya dengan Dato' ahli-ahli diraja iaitu Dato' **Daud** dia adalah ketua hakim syari', saya adalah timbalan mufti ketika itu, ditugaskan untuk menjelajah seluruh negeri Kelantan ini *lima* [5] jajahan saya, *lima* [5] jajahan Dato' ahli-ahli diraja untuk memberi penjelasan kepada masyarakat. Itu *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993] lah. Kemudian yang di panda baru-baru ini saya turut terlibat, cuma sekarang ini saya tidak dilibatkan untuk memberi penjelasan lah orang-orang muda lah ramai orang-orang muda lah pergi sekarang.

AZF **Apakah sejarah tentang undang-undang hudud ini dalam sejarah itu Islam sendiri?**

DMS : Memang pun sebab, hudud ini hukum tuhan yang termaktub dalam Al-Quran dan ditafsirkan oleh hadis ataupun sunnah. Jadi nabi selaku rasul dia telah melaksanakan hudud ini di zamannya dan begitu juga dilaksanakan di zaman **Abu Bakar, Umar, Othman, Ali zaman Amawiyah, Abasiyah** zaman seterusnya lah sehinggalah kejatuhan Islam apabila sistem khalifah itu berakhira kemudian negara-negara Islam dijajah maka penjajah memperkenalkan undang-undang mereka. Jadi sejak itu, terbantutlah terhentilah undang-undang hudud ini.

AZF **Maksudnya ketika zaman khilafah dulu undang-undang syariah ini sentiasa berjalan?**

DMS : Sentiasa berjalan.

AZF **Dan apakah hukum bagi seseorang mempersendakan undang-undang ini?**

DMS : Dia apa-apapun *tak* [tidak] boleh. Mempersendakan agama mempersendakan Al-Quran satu ayat daripada Al-Quran maka hukumnya haram. Kalau sendaan itu dia sengaja, dia faham dia boleh menjejaskan akidah.

Dalam keadaan jahil dia *tak* [tidak] tahu. Kemudian cuma kita kena bezakan begini, hudud itu undang-undang yang ditetapkan oleh Allah *subhanahuwataala* [s.w.t] hudud itu. Tetapi kalau yang mempertikaikan itu ialah pelaksanaan hudud itu tidak lah. Dia beza hudud, pencuri potong tangan itu tidak boleh dipertikaikan. Tetapi cara mana nak potong tangan itu boleh dipertikaikan, cara mana nak potong kaki boleh dipertikaikan. Dalam enekman kita ini, potong kaki di sini dalam mazhab lain di buku lali. Itu ada perbezaan pendapat, maknanya boleh pertikailah. Ataupun *tak* [tidak] apalah pertikai siapa yang nak potong tangan? Doktor kah jawapannya doktor *tak* [tidak] boleh. Sebab doktor ini *profesion* [bidang] dia adalah mengubat bukan menghukum. Jadi doktor-doktor di hospital ni dia *tak* [tidak] boleh potong tangan yang dihukum dibawah hudud. Tapi kalau lah doktor-

doktor itu dilantik pula oleh satu pihak lain untuk melaksanakan potong tangan tidak *profesion* [bidang] kedoktoran dia lah. Tapi *profesion* [bidang] kedoktoran dia konsep dia falsafah dia mengubati, dia potong orang yang kencing manis itu bukan nak menghukum itu adalah mengubati. Tetapi nak menghukum dia tidak berbilang kuasa. Jadi kalau itu orang pertikaikan, *okay* [baik] *tak* [tidak] ada masalah tidak lah sampai menjejaskan akidah.

AZF Lepas itu, apakah jabatan mufti ini mempunyai peranan untuk menerangkan tentang undang-undang ini kepada masyarakat?

DMS : Itu saya dah sebut dah. Bahawa saya menjelajah seluruh negeri, *lima* [5] jajahan.

AZF Itu dalam bawah jabatan ataupun kerajaan negeri sendiri yang melantik?

DMS : Kerajaan negeri melantik. Jadi jabatan mufti apabila ada keperluan memang kita jelaskan.

AZF Bagaimanakah pelaksanaan undang-undang ini sekiranya dilaksanakan kelak?

DMS : Dia bergantung kepada sejauh mana pasarana yang di sediakanlah. Katalah sekarang kita ambil qisas, qisas ini bunuh balas orang bunuh kena bunuh balas. Sekarang ini, kalau sival ada pembunuhan kita boleh buat *report* [laporan] kepada

polis, dan polis lah boleh pergi buat penyiasaan. Yang qisas dalam hudud ini siapa? beritahu polis kata saya tidak ada bilang kuasa untuk pergi menyiasat di bawah hudud ini. Melainkan dah ada persepakatan diperingkat *federal* [persekutuan] lah di parliman apa semua. Beri kuasa pula kepada polis, bukan saja awak siasat di bawah sival yang hudud ini pun awak kena. Baru boleh, tapi buat masa sekarang belum lagi.

AZF **Dan seterusnya apakah pandangan Dato' tentang isu orang kafir tidak terlibat dalam hukuman undang-undang ini?**

DMS : Dia dalam Al-Quran sendiri pun menyebut boleh dikenakan terhadap orang kafir dan boleh tidak dikenakan. Al-Quran sendiri boleh pilihan ada alternatif kepada orang kafir. Di zaman nabi pun begitu, maknanya ada orang kafir ini dia minta nak dihukum dibawah hudud boleh lah, kalau dia *tak* [tidak] mahu boleh lah berjalan mengikut undang-undang kalau pada masa nabi agama mereka lah agama mereka kata macam mana. Macam sekarang pun begitu lah, kalau mereka dulu memang diberi pilih sekarang bila dipinda *tu* [iu] *tak* [tidak] ada pilihan dah. Makna tidak dikenakan kepada orang bukan Islam.

AZF **Apakah undang-undang ini *relevan* [sesuai] pada masa sekarang di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk?**

DMS : Dia nak cari satu masyarakat yang tidak majmuk *tak* tidak ada dalam dunia ini. Sejak zaman nabi pun masyarakat majmuk, yahudi ada macam-macam pelbagai. Masyarakat majmuk tidak boleh jadi alasan, yang jadi alasannya ialah sejauh mana kemampuan ada negara-negara yang belum mampu. Misalnya Mesir walaupun dia *lapan puluh peratus* [80%] orang Islam, sehingga kini dia *tak* [tidak] mampu lagi nak hukum-hukum hudud. Jordan bagai *seratus peratus* [100%] dia tidak laksana. Tapi Saudi *seratus peratus* [100%] orang Islam dan *seratus peratus* [100%] dia laksanakan hudud. Pakistan dia cuba nak laksanakan gagal ada kelemahan-kelemahan. Sudan cuba nak laksanakan gagal ada kelemahan-kelemahan dia lah. Tetapi telah mencuba lah.

AZF Apakah hukumnya sekiranya kerajaan yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan undang-undang ini tapi tidak mahu berusaha melaksanakannya?

DMS : Dia tidak boleh begitu, dia kuasa ni satu. Kuasa dan kemampuan, kuasa lain kemampuan lain. Saudara boleh pergi ke Mekah ada kuasa sihat tapi *tak* [tidak] ada duit *tak* [tidak] mampu. Jadi duit ada tapi peperangan ditengah jalan *tak* [tidak] boleh pergi juga *kat* [ke] Mekah. Kuasa ada kemampuan duit ada tapi oleh kerana di perjalan itu, katalah sekarang Saudi berperangan dengan Yaman misalnya, negara Saudi *tak* [tidak] aman. Itu kita tidak boleh pergi juga sebab kerana dalam bahasa Al-Quran dia kata perlu pada Istitoah. [Potongan ayat Al-Quran] “bertaqwalah kepada Allah setakat yang kamu mampu”. Jadi kalau diluar

kemampuan, jadi katalah di negara kita. Sebagai contoh, kita nak pinda perlembagaan mesti cukup *dua per tiga* [2/3] kerajaan yang ada ini Barisan Nasional mesti mendapat sokongan *dua per tiga* [2/3] baru boleh pinda perlembagaan. Dengan yang ada sekarang ini orang Islam yang ada di parliman itu semua sokong hudud *tak* [tidak] cukup *dua per tiga* [2/3], jadi nak pinda perlembagaan macam mana. Jadi *tak* [tidak] boleh nak pinda perlembagaan *tak* [tidak] boleh nak kata awak kan kerajaan awak kan berkuasa. Itu maknanya ada halangan dari segi kemampuan.

AZF **Boleh tak ceritakan bagaimana pelaksanaan undang-undang ini di zaman Rasulullah?**

DMS : Berjalan lancar lah.

AZF **Adakah dia ada *step-step* [langkah-langkah] dia?**

DMS : Dia memang ajaran Islam ini panggil “At’tadaaruj”, maknanya berperingkat-peringkat. Nak haramkan arak itu ada *tiga* [3] kali ayat turun, *tiga* [3] kali baru di haramkan. Dia tidak sekaligus begitu, maknanya ada “tadaaruj” ada berperingkat-peringkat. Dan saya difahamkan Aceh dia pun nak laksanakan hudud, tapi buat masa sekarang dia tidak akan laksanakan lagi hudud itu. Dia perkemaskan dahulu

takzir. Brunai dia perkemaskan dulu takzir dia *tak* [tidak] terus pergi kepada hudud dia perkemaskan takzir. Jadi kita ada undang-undang takzir dan undang-undang hudud. Tetapi bagi Brunai pun dia sedang perkemaskan takzir. Aceh sendiri pun sedang perkemaskan takzir.

AZF Pada pengetahuan Dato' negara manakah yang sedang melaksanakan undang-undang hudud ini dan adakah ia berjaya mengurangkan kadar jenayah dalam negara tersebut?

DMS : Kita ambil contoh Arab Saudi lah *lima percent* [peratus][5%] sahaja jenayah bunuh orang, mencuri, sekarang ini ada pencuri pencopek selup saku ini tapi bukan orang Saudi hak mari dari luar menunaikan umrah, puak-puak ni yang mencuri tapi kalau dapat ditangkap kenalah dia. Tapi maknanya rekod dunia melihat bahawa jenayah penzinaan, jenayah kecuriaan, jenayah merompak hanya sekadar *lima percent* [peratus] [5%] saja di Saudi sebagai satu contoh. Itu adalah hasil daripada pelaksanaan hudud lah. Siapa nak bunuh orang bila dipangcung kepala siapa nak mencuri bila dipotong tangan *tak* [tidak] ada orang yang sanggup mencuri, tapi ada mencuri juga orang luar. Yang mari dari negara dia yang *tak* [tidak] ada hudud.

AZF Boleh tak Dato' terangkan serba sedikit tentang pengelasan jenayah dalam yang mempunyai hudud, qisas dan taqzir?

DMS : Yalah. Hudud ini dia sudah ada yang ditetapkan oleh tuhan tetapi yang tidak ditetapkan oleh tuhan dia duduk dibawah taqzir. Contohnya, orang pengedar dadah. Dia ini boleh duduk di bawah taqzir bunuh dia itu, dia *tak* [tidak] bunuh orang pun secara *direct* [langsung]. Tetapi kenapa dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Maka itu boleh dimasuk dalam taqzir. Yang taqzir ini ialah makna dia terserah kepada budi bicara pemerintah. Adapun hudud itu yang ditetapkan oleh Allah *subhanahuwataala* [s.w.t]. Qisas sama lah yang ditetapkan oleh Allah *subhanahuwataala* [s.w.t] sebab hudud qisas ini *duduk* [termasuk] *satu* [1] kategori.

AZF **Apakah dia punya jenayah yang dibawah hudud dan qisas ini. Boleh tak Dato' terangkan?**

DMS : Qisas pembunuh lah. Kalau hudud minum arak, berzina, mencuri merompak.

AZF **Apakah pada masa sekarang Islam membenarkan teknologi kamera litar tertutup, alat rakaman suara boleh digunakan untuk membuat pengecaman terhadap tertuduh dalam isu hudud ini?**

DMS : Dia dalam penghakiman syariah ini, dia ada “qarinah” dia ada “bay’inah”. Maknanya *evidence* [bukti] itu “bay’inah”, *small evidence* [bukti kecil] dia panggil “qarinah”. Jadi sekadar “qarinah” boleh kemara tadi, macam juga DNA boleh jadi

“qarinah” tapi dia tidak boleh jadi “bay’inah”. Sebab “bay’inah” ini benda yang apa kita panggil yang memang jelas lah dalam Islam ini dia ada “iqror”, “bay’inah” dan ada “qarinah”. “Qarinah” ini katakanlah seorang itu kita *hidu* [cium] mulut dia berbau arak tentulah kita kata dia minum arak tetapi mungkin orang pegang kelapa dia tuang arak dia tidak minum. Tetapi orang memaksa dia minum, maknanya bau itu belum “bay’inah” tapi kalau memang dia duduk minum gitu itu dah “bay’inah”. Kalau bau itu qarinah.

AZF **Bagaimana sekiranya yang mencuri itu dalam bentuk dalam kumpulan yang terdiri daripada Islam dan kafir. Adakah orang Islam sahaja yang disiasat mengikut hudud dan sekiranya didapati bersalah adakah orang Islam sahaja yang dikenakan hukuman potong tangan bagaimana pula dengan orang bukan Islam yang mempunyai rekod kesalahan yang sama?**

DMS : Memang pun sama lah kalau kita kata orang bukan Islam adakah dikenakan hukuman juga tidak pergi sembahyang jumaat? Undang-undang kata orang Islam tiga kali tidak pergi sembahyang jumaat kena hukuman. Jadi tidak boleh kita nak persoal kenapa orang bukan Islam tidak pergi sembahyang jumaat kita *tak* [tidak] hukum. Jadi maknanya, dia mencuri sama-sama kalau undang-undang mengatakan bahawa yang mencuri Islam kena potong tangan bila sabit kesalahannya orang

Islam lah saja kena. Orang bukan Islam tidak kena. Faham *ke* [tidak]? Dalam Islam ini hukuman dia ada *dua* [2] hukuman di dunia dan di akhirat. Kalau seorang itu mencuri dia sudah dipotong tangan [Dato' batuk] maka dia di akhirat dia sudah tidak dikenakan apa-apa hukuman lagi. Oleh kerana dia sudah menjalani hukuman di dunia. Tetapi kalau kita sekarang mencuri, kita kena hukum di penjara dah teruk dah tiga tahun kena penjara mencuri, di akhirat adakah lepas? *Tak* [tidak] lepas kerana dia *tak* [tidak] di potong tangan dia jadi lebih teruk dia. Jadi kita kena ingat bahawa hukuman Islam ini kalau sudah dilaksanakan dijalankan sekarang dia sudah terlepas di akhirat. Jadi orang bukan Islam dia terlepaslah tidak kenalah potong tangan tapi dia di akhirat macam mana dia memang lah dia akan dihukum seberat-beratnya dengan kekafiran dia semua itu. Baik di dunia dia *tak* [tidak] kena yang di bawah hudud saja tapi kenalah mengikut undang-undang yang sedia berjalan ini *tak* [tidak] akan dia bebas begitu saja. Dia merompak orang Islam kena potong tangan, bukan Islam penjara penjaralah dia kena sebat sebat lah dia, sebab cara sivil itu. Maknanya *non-muslim* [buka Islam] akan tunduk kepada peraturan atau undang-undang yang sedia ada yang berjalan berkuatkuasa di negeri itu lah. Katalah di Malaysia apalah kepada orang *non-muslim* [bukan Islam] ini dan kita tidak boleh nak kata tidak adil, memang adil sebab orang Islam potong tangan sekarang dia *tak* [tidak] kena lagi di akhirat. Yang ini *tak* [tidak] kena lagi di dunia tapi di akhirat dia kena adil lah.

AZF **Kita pergi pula sedikit tentang percukaian GST, apakah pandangan Dato' sebagai seorang mufti tentang GST dalam sudut agama Islam itu sendiri?**

DMS : Dia macam ini, dalam Islam ini dia ada peruntukan-peruntukan. Satunya yang sudah ditetapkan oleh Allah *subhanahuwataala* [s.w.t] seperti zakat. Zakat itu adalah di kenakan kepada orang Islam yang ada cukup syarat-syaratnya harta lebih apa semua lah. Itu *tak* [tidak] boleh nak pertikaikan lagi kerana itu adalah ditetapkan oleh Allah *subhanahuwataala* [s.w.t]. Zakat-zakat ini adalah wajib di kenakan. Adapun cukai itu adalah dikenakan oleh pihak pemerintah dan pihak pemerintah ada kaedah dia [Potongan Al-Quran] pemerintah diberi bidang kuasa untuk mengurus hal rakyat mengikut masalah rakyat. Jadi GST ini adalah cukai. Di zaman Saidina **Umar** ada di kenakan cukai, maknanya sekarang jelas lah bahawa cukai itu adalah sebahagian daripada ajaran agama mengenakan cukai itu. Tetapi bukan ditentukan oleh Allah, ditentukan oleh pemerintah. Pasal pemerintah ini diberi satu ruang macam taqir lah. Taqzir itu di beri ruang oleh Islam kepada pihak pemerintah. Maka cukai ini juga di beri ruang oleh Islam kepada pemerintah. Jadi pemerintah lah yang menentukan mengikut masalah-masalahnya. Macam adanya penjara itu adalah masalah lah.

AZF **Apakah ada kelonggaran dalam Islam untuk memungut cukai dari orang Islam sendiri?**

DMS : Memang pun, tadi saya dah jelaskan bahawa zakat itu ditentukan oleh tuhan.

Kemudian cukai adalah ditentukan oleh negara. Dalam hadis menyebut [Potongan Hadis] wajib taat pada pemerintah ini orang Islam wajib taat pada pemerintah samada perkara yang dia suka ataupun yang dia tidak suka. Cukai di kenakan kita suka atau tidak? *Tak* [tidak] suka, tapi wajib taat. Kalau kita kata cukai GST ini haram ke, habis hancur. Kita ambil contoh negeri Kelantan, dia kenakan cukai tanah, dia kenakan cukai pintu, dia kenakan cukai parking. Kalau *tak* [tidak] ada cukai-cukai ini dia nak buat pembangunan macam mana? Jadi cukai itu mesti ada, sebab kerana kemaslahatan. Tapi, kalau dengan zakat sahaja dah cukup *tak* [tidak] *payah* [perlu] cukai lah. Tetapi dalam keadaan sekarang ini kita nak buat jambatan dengan duit zakat tidak boleh zakat ini hanya untuk asnah lapan sahaja. Kena bagi fakir, miskin. Jadi jambatan bukan duit zakat, jadi kalau nak buat jalan raya bukan duit zakat. Jadi nak buat jalan raya macam mana kalau *tak* [tidak] ada cukai. Nak beri gaji saya ini biar naik sekarang *sepuluh ribu* [RM10,000] nak jadi *dua puluh ribu* [RM20,000] nak ambil *kat* [dari] mana? Takkan nak nak ambil duit zakat, saya orang kaya dah. Kena cukai lah, bila cukai boleh naik lagi. Sekarang seluruh dunia menghadapi krisis ekonomi. Kita pun kata rakyat tertekan susah gitu, habis macam mana nak naikkan ekonomi negara ini? Naikkan cukai. Bila cukai naik dikenakan cukai. Sebenarnya, GST ini kenapa daripada berapa negara ini kita yang terlambat, orang lain dah buat lama. Pasal melihat bahawa GST ini adalah cara yang terbaik daripada SST. SST itu di kenakan kepada penjual ahli-ahli perniagaan. Ahli-ahli perniagaan ada peluang dia *tak* [tidak] bayar cukai itu ada peluang dia. Dia nak tipu kerajaan, ada. Kita pergi beli dia pakai *dua* [2] resit *satu*

[1] resit ini dia tak serahkan kepada kerajaan maka dia *tak* [tidak] bayar cukai. Tapi SST kita pergi beli baju penjual itu dah kena cukai kat atas baju itu. Dia letak harga itu dia beli *lima ringgit* [RM 5.00] dia jual *lapan ringgit* [RM8.00] maka dia nak bayar cukai kepada kerajaan yang *tiga ringgit* [RM 3.00] itu, dia dah kenakan cukai itu. Nampak saja kita tidak kena cukai. SST nampak kita *tak* [tidak] kena cukai, ahli perniagaan saja kena cukai. Sebenarnya, ahli perniagaan itu dah kena cukai itu. Dia nak bayar cukai kepada kerajaan dia caj ke atas kita dengan harga pembelian. Maknanya, *in-direct* [secara tidak langsung] kita juga yang bayar, sekarang *direct* [secara langsung] kita bayar kepada kerajaan tapi akan balik kepada kita pula itu GST ini. Tapi masalah sekarang ini ada yang *tak* [tidak] jujur. Jadi yang tak jujur itu cerita nombor *dua* [2]. GST bagus tapi penjual-penjual tidak jujur itu cerita lain lah. Bola, apa hukum tanya saya. Permainan bola sepak di stadium apa hukum?, saya kata harus. Tapi orang pergi menonton bola itu *tak* [tidak] sembahyang maghrib. Takkan nak kata pasal orang *tak* [tidak] sembahyang maghrib maka hukum main bola adalah haram. Takkan saya nak kata macam itu. Saya akan kata main bola di stadium itu hukumnya adalah harus, tapi orang yang *tak* [tidak] sembahyang itu dia lah yang tanggung dosa. Jadi masalah lain itu. Apa hukum bola sepak di stadium? Hukumnya harus tapi orang berjudi Kelantan menang, Terengganu menang dia berjudi, itu tajuk lain. Jadi ini pun GST hukumnya harus, tetapi orang menaikkan harga itu cerita jahat penjual-penjual lah. Ambil dua kali dengan kita pembeli ini pun kenakan dah cukai, dia pula naik harga barang pula lagi. Jadi itu *tak* [tidak] jujur, tapi kerajaan dah buat undang-undang

dah siapa naikkan harga. Baru ini berapa *tiga puluh sen* [30 sen] apa naik harga kena. Jadi maknanya GST pandangan Islam hukumnya harus. Kalau pelaksana itu ada kacau bilau disana sini kena perbetul pelaksanaan itu lah.

AZF **Dan dalam Islam, bolehkah sekiranya kerajaan menggunakan duit cukai GST ini untuk membayar hutang-hutang kerajaan yang dilakukan oleh kerajaan sendiri?**

DMS : Dia macam ni, kerajaan ini dia tidak kata begitu. Kalau lah misalnya cukai arak dibayar gaji saya haram lah saya ambil. Dia tidak, kerajaan ini sebarang cukai yang kita bayar yang dia pungut dia sudah masuk dalam wang dana kerajaan, perbendaharaan negara. Jadi dalam perbendaharaan negara itu ada cukai arak, ada cukai judi, ada duit petroleum, ada duit getah ada macam-macam dah bercampur dah. Jadi dia tidak kata cukai GST buat bayar hutang, dia ambil daripada dana negara, perbendaharaan negara untuk bayar hutang ke apa. Macam gaji saya ada dalam kerajaan negeri itu ada cukai pajak gadai yang tidak Islam, cukai arak ada dalam kerajaan negeri. Tapi kalau dia kata, Shukri ini gaji mu daripada cukai arak, haram lah saya ambil. Tetapi tidak dia masuk wang yang di satukan itu dah arak ke, judi ke, apa ni kalau di Selangor lah. Selangor itu kan kilang arak terbesar masuklah dalam kerajaan negeri Selangor itu.

AZF **Berkaitan isu GST, adakah ia mempunyai sirah dalam Islam tentang**

perlaksanaannya samada di zaman Nabi, Tabi'in, atau Imam Mujtahid?

DMS : *Tak* [tidak] ada GST, tapi ada cukai. GST nama saja. Cukai memang ada.

AZF Di zaman Nabi pun?

DMS : Zaman Nabi tidak perkenalkan lagi sebab belum ada keperluan.

AZF Bermula zaman?

DMS : Abu Bakar, Umar. Umar lah yang popular sekali perkenalkan cukai ini.

AZF Apakah hukum sekiranya seseorang itu enggan membayar GST?

DMS : Hukumnya haram lah sebab dia wajib taat kepada pihak pemerintah. Kita tidak boleh taat pemerintah ini bila dia suruh buat benda yang haram. [Potongan ayat Al-Quran] “Tidak lagi boleh taat kepada makhluk kalau dia suruh buat maksiat kepada Allah”. Bayar cukai ini tidak maksiat, kebaikan. Kalau kita dah bayar cukai tiba-tiba kerajaan yang menyeleweng dia yang tanggung kita bebas. Saya bayar zakat majlis salah gunakan duit zakat saya dia tanggung saya dah lepas.

AZF Apakah kaedah terbaik yang Dato' boleh cadangkan sekiranya ada untuk menggantikan sistem GST?

DMS : Sekarang ini, di seluruh dunia kecuali negara komunis saja tidak pakai GST, sosialis tidak pakai yang lain-lain pakai. Brunai tidak pakai dia negara kaya, dia hasil minyak pun tidak habis-habis dah.

AZF Bagaimana pandangan Dato' tentang pendekatan yang digunakan oleh Imam An-Nawawi yang enggan mengeluarkan fatwa untuk kerajaan mengutip cukai dari rakyat selagimana kerajaan tidak melepaskan kemewahan yang dimiliki oleh kerajaan?

DMS Itu dia tengok masa dia lah. Dia kita apa fatwa ni, kita tengok keadaan kita keadaan semasa dia panggil Fiqh Ul-Waqi'. Secara semasanya macam mana? Kita tidak boleh tengok Imam **An-Nawawi** begitu kita kata itu Imam **An-Nawawi** tidak boleh. Kita ambil contoh, **Abu Hanifah** memberi fatwa di Iraq bahawa rakyat tidak boleh teroka tanah begitu saja masuk pergi teroka begitu, dia mesti dapat keizinan pihak kerajaan dulu. Itu siapa bagi fatwa begitu itu **Abu Hanifah**. Tapi cuba tengok fatwa yang diberikan Imam **As-Syafie** di Mesir. Boleh lah masuk lah ambil lah kamu majukan jadi hak kamu. Tengok **Abu Hanifah** kata mesti dapatkan keizinan pemerintah, Imam **As-Syafie** kata boleh saja masuk saja. Sebenarnya waqi'nya realitinya berbeza itu. Tanah di Mesir luas melaut-laut ambil banyak manapun tidak menjejaskan keadaan. Tapi di Iraq tanah sudah sempit tanah sudah tidak cukup. Jadi kalau biarkan begitu kacau bilau lah. Jadi kena dapatkan keizinan daripada pihak pemerintah. Itu kita dapat lihat bahawa dua situasi yang berbeza

fatwa pun berbeza. Sama juga masa Saidina Umar, sebelum itu nabi harta rampasan perang orang masuk perang dapat pada orang yang berperang itu lah. Tapi masa **Umar** *tak* [tidak] boleh, *tak* [tidak] boleh dia dah kira saham dah, dia tidak bagi bah. Harta rampasan perang itu tidak bagi dah, tanah-tanah pun dia tidak bagi dah. Orang-orang balik berperang tidak bagi dah. Sebab kalau bagi-bagi orang yang kemudian habis lah. Tanah itu habis dibagi-bagi. Sekarang dia hanya bagi dalam bentuk macam saham. Tanah kekal milik kerajaan, tapi saham saja lah dapat bagi. Itu maknanya, kita lihat bahawa pemerintah ini diberi bidang kuasa untuk mengurus hal-hal rakyat bagi kemaslahatan rakyat.

AZF **Tentang isu demonstrasi, boleh tak Dato' terangkan apakah pengertian sebenar bughoh?**

DMS Bughoh ini dia derhaka. Bughoh ini mana-mana orang yang berbeza pendapat dengan pihak kerajaan yang sedangkan kerajaa itu adil, dia tidak taat kepada pemimpin tidak mahu melaksanakan kewajipan-kewajipan yang ditugaskan. Bughoh ini dalam bahasa mudahnya penberontak lah. Bughoh ini pemberontak, dia ada senjata. Tunjuk perasaan dia tidak ada apa-apa. Cuma dia salah dari segi undang-undang. Sedangkan undang-undang kata boleh tunjukkan perasaan secara aman. Tapi merosakkan harta benda kerajaan apa semua macam penonton bola Terengganu itu haram lah itu. Pasal apa awak nak hancurkan kereta menteri besar, nak musnahkan van-van ambulans apa semua ini. Ini semua harta kerajaan, harta

kerajaan harta orang ramai. Jadi perbuatan itu haram lah.

AZF **Apakah boleh diklasifikasikan bughoh orang yang membuat?**

DMS Bughoh ini tadi lah, mana-mana orang yang berbeza pendapat berbeza pandangan dengan pemerintah sedangkan kerajaan itu adalah adil tapi dia tidak mahu taat pada kerajaan yang adil itu. Dia tidak mahu taat pada pemimpin tidak mahu melaksanakan kewajipan dia. Jadi kewajipan orang yang tunjuk perasaan ini mohon lah dengan polis. Polis kata pergi buat di stadium Bukit Jalil, pergi lah buat disitu nak tunjuk perasaan. Bukan dilarang nak tunjuk perasaan, tapi kenapa nak buat di depan Masjid Negara?, kenapa nak buat di jalan raya? Di situ tidak boleh itu. Tapi tidak lah bughoh tapi dia derhaka kepada kerajaan lah tapi tidak sampai pemberontak.

AZF **Apakah boleh diertikan sebagai bughoh seseorang yang mengikuti demonstrasi membantah GST?**

DMS Tidak bughoh, sebab bughoh ini mesti ada senjata yang kerajaan pun susah dah mengalahkan dia. Pemberontak macam pemberontak di Yaman, pemberontak di Syiria, pemberontak di Iraq. Pemberontak ini dia dah lawan dah dengan ada senjata. Itu boleh lah kalau pemerintahan yang sebelum adil, bughoh lah itu. Sebab itu kita tengok dalam kes-kes di Mesir kan. Orang ini dijatuhkan hukuman bunuh

dia anggap bughoh lah itu.

AZF **Bagaimana cara yang terbaik bagi rakyat untuk menyuarakan bantahan mereka pada kerajaan, sekiranya rakyat ada tidak puas hati?**

DMS Banyak-banyak peluang tunjuk perasaan sendiri pun boleh. Ada akta tunjuk perasaan, tapi yang saya nak tunjuk perasaan ini buat apa? Ada tujuan lain ada *political mileage* [kepentingan politik], itu yang jadi masalah. Tapi kalau betul-betul nak tunjuk perasaan tidak ada masalah. Kalau nak tunjuk perasaan saya [marah] saya tidak puas hati dengan GST. Saya nak beritahu dalam Islam majlis syura, mesyuarat dia ada syarat dia, dia kata [Potongan Hadis] orang Islam mesti menerima apa yang diputuskan dalam mesyuarat. Kita dah hantar wakil-wakil rakyat kita ke parliman, pembangkang apa-apa semua dah bincang GST. Sepatutnya kalau kod etika yang sebenarnya, dah di putuskan di parliman di luar senyap dah. Kalau saya mesyuarat saudara duduk di UITM [Universiti Teknologi Mara] kita mesyuarat, kita bercakap lah dalam mensyuarat itu saya tidak bersetuju begini-begini putusan ramainya dah setuju benda itu. Kita tidak setuju, apakah kita diluar “aku tak setuju aku tak setuju”. Tidak boleh macam itu, huru-hara lah macam itu. Kalau kita dah putuskan kita kena terima sebab ada keputusan secara *consensus* [konsensus] , secara *seratus peratus* [100%], secara majoriti. Tapi yang *tak* [tidak] dapat majoriti itu dia kena terima dah, tapi saya kecewa lah. Kata lah dewan undangan negeri ini kerajaan negeri dah putus dah. Parti pembangkang dalam dewan negeri duduk [suara melaung] lagi di luar *tak* [tidak] betul, dia tidak

boleh dah. GST ini dah dibincang begitu masak dah dalam parliman masing-masing dah bangun bercakap dah. Dah keputusan kerajaan [Potongan Hadis] apabila khodi sudah membuat satu keputusan tidak ada lagi perbahasan, dia kaedah dia begitu. Tapi kita tidak terima begitu, dalam dewan kita dah siap di luar duduk bercakap lagi [suara melaung] nak suruh benci timbul kebencian itu tidak betul lah. Jadi, panaskan lagi masyarakat ini. Cuba beri peluang macam mana GST ini nak dilaksanakan bagi lah peluang baru sebulan, baru *dua* [2] bulan. Kalau tidak betul sana tidak betul sini kena betulkan dari segi perlaksanaan itu. Tapi *tak* [tidak] boleh lah bangkit mari menentang, menentang apa? Tadi lah [Potongan Hadis] wajib taat pada pemerintah ini samada perkara yang disukai ataupun yang tidak disukai, wajib.

AZF **Adakah GST ini menekan rakyat atau memberi kebaikan kepada rakyat, pada pandangan Dato'?**

DMS Saya bagi saya lah, kita beri peluang dulu kepada pihak kerajaan melaksanakan, kalau ada nanti apa-apa yang boleh diperbaiki perbaiki lah.

AZF **Sebagai anggota majlis fatwa kebangsaan, apakah sandaran yang digunakan untuk membenarkan sistem GST dan sejauh manakah majlis fatwa kebangsaan menasihatkan kerajaan berhubung dengan GST ini?**

DMS GST ini di lihat ada maslahat kebaikan kepada masyarakat. Dalam Islam ini dalam kaedah kita membuat fatwa, buruk ada baik ada kita kena buat pertimbangan.

Mana lebih banyak buruk atau baik? Dua-dua ada baik pun ada buruk pun ada kena timbang disitu. Mana banyak buruk dengan baik? Kalau banyak buruk kita kena tolak, tidak boleh buat. Kalau ada banyak baik buruk pun ada ketika itu kita kena timbangkan yang kena buat lah pasal baik nya lebih banyak. Maslahat kepada masyarakat memang dah jelas dah ada nya cukai ini. Satu sudut masyarakat nak itu nak ini kakitangan kerajaan nak suruh naik gaji, tapi cuma satu pihak kata “Ooo... banyak ketirisan sini bocor”, betulkan yang itu lah.

AZF **Untuk soalan akhir, apakah GST ini perlu dimansuhkan atau diteruskan?**

DMS Tengok kepada keadaan, kalau ada yang lebih baik, baiklah mansuh. Kalau dia dah terbukti lebih baik daripada SST atau bila berjalan ini memang jauh SST lah lebih baik daripada GST, patut mansuhlah. Tapi kalau sekejap lagi kita tengok rupanya ini yang lebih baik. Hasil pun dapat banyak, bila dapat banyak dapat beri balik kepada rakyat.

AZF **Dan untuk akhirnya, apakah ataupun kita bagi peluang untuk kata-kata terakhir Dato' untuk sebelum kita tutup sesi temuramah ini?**

DMS Saya banyak terima kasih kepada saudara berdua lah untuk menemuramah saya ini. Dan saya ingin menyebutkan bahawa temuramah ini bukan mencerminkan pandangan fatwa ini adalah pandangan peribadi mufti bukan atas titik fatwa.

Kalau tidak susah lah saya pergi mengajar di masjid fatwa, bercakap di radio fatwa. Dia tidak dia ini adalah merupakan pandangan peribadi mufti bukannya fatwa mufti.

AZF Setakat itu dahulu temuramah ini dan kami mengucapkan berbilang-banyak terima kasih untuk mufti atas kesudian memberi masa kepada kami untuk meneruskan sesi temuramah ini daripada tadi sehingga lah sekarang. Dan kita sudahi lah sesi temuramah ini dengan wabillahitaufiqwalhidayah,wasalamualaikumwarahmutullahiwarokatuh.

DMS Walaikummusalamwarahmatullahiwarokatuh.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Rakaman ini berkisah tentang wawancara sejarah lisan bersama Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad berkaitan dengan penglibatan beliau dalam Majlis Agama Islam Kelantan bermula pada 1 Januari 2008 hingga sekarang. Beliau telah memegang jawatan penting Institusi Agama Islam iaitu Mufti Negeri Kelantan. Wawancara ini dijalankan di pejabat mufti negeri Kelantan. Di Komplek Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan iaitu pada jam 02.30 petang hingga 04.30 petang. Kami telah memilih Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad berdasarkan kisah hidup beliau dan sumbangan yang telah diberikan kepada agama Islam dan masyarakat di negara Malaysia.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG PERIBADI		
0:00	Side A Pengenalan diri serta permulaan temubual	Pejabat Mufti Negeri Kelantan.
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG KELUARGA		
19:30	Side B Tarikh melangsungkan perkahwinan Ketika umur Pekerjaan ketika berkahwin Nama isteri Pekerjaan isteri	

21:15	<p>Bilangan anak</p> <p>Anak lelaki</p> <p>Anak perempuan</p> <p>Cara mendidik anak</p>	<p>Berbincang bersama-sama</p>
28.00	<p>Anak-anak yang sudah berumahtangga</p> <p>Bilangan cucu</p> <p>Panggilan daripada anak</p> <p>Panggilan daripada cucu</p> <p>Panggilan daripada anak saudara</p>	
BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG AKADEMIK		
29:40	<p>Side C</p> <p>Sekolah rendah</p> <p>Aliran semasa di sekolah</p> <p>Menyambung pelajaran</p> <p>Tahap pengajian</p> <p>Jurusan di universiti</p>	<p>SK Kampung Sireh</p> <p>SK Langgar</p> <p>SK Padang Garong</p> <p>Agama Arab di Maahad Muhammadiyah</p> <p>Yayasan Islam Kolej Islam Antarabangsa</p> <p>Diploma</p> <p>Syariat walkanun</p>
37:20	<p>Sektor pekerjaan selepas pengajian</p>	<p>Perguruan</p> <p>Pegawai Agama</p> <p>Timbalan Mufti</p> <p>Mufti</p>

BAHAGIAN 4 : PERANAN JABATAN MUFTI		
40:54	<p>Side D</p> <p>Struktur organisasi</p> <p>Fungsi jabatan mufti</p> <p>Antara fatwa yang dikeluarkan</p> <p>Mufti yang ke</p>	<p>- 4 bahagian iaitu pentadbiran, fatwa, falaq, sumber maklumat.</p> <p>- Manasihati Sultan, mengeluarkan fatwa.</p> <p>- Sultan menghadiri ke majlis Kematian Raja Siam</p> <p>Mufti yang ke-14</p>
49:20	<p>Procedure perantikan mufti</p> <p>Cara sesuatu fatwa dikeluarkan</p>	<p>Tertakluk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam</p> <p>- Menghantar surat kepada setiausaha Jamaah Ulama'</p> <p>- Berhubung terus kepada mufti</p>
BAHAGIAN 5 : SUMBANGAN BELIAU		
57:39	<p>Side E</p> <p>Tarikh menjawat jawatan mufti</p> <p>Antara fatwa yang dikeluarkan</p> <p>Peglibatan di peringkat kebangsaan</p>	<p>1 Januari 2008</p> <p>Pengesaha anak sah taraf</p> <p>-Ahli muzakarah fatwa kebangsaan</p> <p>-Ahli jawatankuasa panel Kajian Syariah</p> <p>-Panel Syariah PNB</p> <p>Ahli jawatan kuasa dakwah negara.</p>

BAHAGIAN 6 : TENTANG ISI-ISU SEMASA

1:00:28	Side F Fatwa yang terbaru Pandangan tentang hukum hudud Tentang percukaian baharu GST.	Umur bayi yang lahir bilakah dikatakan sebagai anak yang sah taraf. Perlu dilaksanakan Turut terlibat dengan mesyuarat perlaksananya pada tahun 1993. Dilaksanakan mengikut keperluan dan kemaslahatan rakyat pada ketika itu.
---------	---	--

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00pg - 12.00tgh	10 Mac 2015	Taklimat ringkas mengenai tokoh yang di pilih. Menepati dengan kriteria-kriteria yang telah di tetapkan oleh pensyarah Madam Nurulannisa bt Abdullah	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan.
10.00pg-12.00tgh	11 Mac 2015	Melihat contoh soalan yang dilakukan oleh senior yang telah mengambil subjek Oral Documentaion ini.	Catatan untuk membuat soalan untuk tokoh yang berkenaan.

10.00pg-12.00tgh	8 April 2015	Perbincangan antara saya (Ahmad Zaim Fikri Bin kamarul Zaman) dengan Madam Nurulannisa bersama rakan kumpulan (Mumahad Syazwan Bin Safian), berkenaan dengan subjek <i>IMR603 – Documenting Oral Tradition</i>	Pengesahan tokoh temubual
12.00tgh-2.00ptg	27 April 2015	Mula berhubung dengan tokoh untuk menentukan tarikh dan tempat dan juga masa untuk menemubual beliau.	Tokoh setuju untuk menemubual.
11.00pg-12.00tgh	29 April 2015	Hantar contoh soalan kepada pensyarah sebelum menemubual tokoh	Soalan yang ingin ditanya
12.00pg-01.00ptg	4 Mei 2015	e-mail soalan-soalan yang ingin ditanya pada hari temubual kepada setiusaha mufti.	Menghantar soalan melalui email.
12.00tgh-2.15ptg	19 Mei 2015	Bertolak dari Machang ke Kubang Kerian. Dan bersiap sedia untuk ke Balai Islam.	Memandu kereta dari UiTM.
02.30pg-4.30ptg	19 Mei 2015	Tarikh temubual tersebut adalah pada 19 Mei 2015 bermula pada jam 02.30 petang hingga 04.30 petang. Dato' Hj. Muhamad Syukri bin Mohamad merupakan mufti negeri Kelantan.	Pergi ke Pejabat Mufti Negeri Kelantan, Balai Islam Lundang, Kota Bharu.

SENARAI SOALAN

Kami telah ditugaskan untuk menebual tokoh bagi menyiapkan kerja khursus yang telah ditugaskan kepada kami. Kami telah memilih Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin Mohamad berdasarkan kisah hidup dan sumbangan yang telah banyak diberikan khususnya kepada negeri Kelantan serta kepada negara. Penglibatan beliau sebagai mufti telah memberi impak yang baru bagi menaikkan imej agama Islam di Malaysia.

Latar Belakang Peribadi

1. Apakah nama penuh dato'?
2. Pada tahun bilakan dato' dilahirkan?
3. Dimana dato' dilahirkan?
4. Dimana dato' dibesarkan
5. Berapa orangkah adik bradik dato?
6. Dato anak ke berapa
7. Dato mempunyai berapa bilangan adik bradik lelaki?
8. Dato mempunyai berapa bilangan adik beradik perempuan?
9. Gambaran keturunan dato sebelah ayah
10. Gambaran keturunan dato sebelah ibu
11. Adakah ayah dato masih ada?
12. Jika tiada, pada umur brerapakah ayah dato meninggal dunia?
13. Adakah ibu dato masih ada?
14. Jika tiada, bilakah beliau meninggal dunia?
15. Pekerjaan ayah dato
16. Pekerjaan ibu dato
17. Bagaimanakah kedudukan ekonomi keluarga dato ketika kecil?
18. Apakah nama gelaran dato dikampung? kalau ada
19. Bagaimana gambaran perangai atau kelakuan dato ketika kecil?
20. Apakah hobi dato?

21. Ketika dalam tempoh persekolahan dulu, apakah cita-cita dato selain jawatan yang dato sandang sekarang?

Latar Belakang Keluarga

22. Bilakah dato melangsungkan perkahwinan?
23. Pada umur brapakan dato' kahwin?
24. Apakah pekerjaan dato ketika berkahwin dengan isteri?
25. Apakah nama penuh isteri dato?
26. Apakah pekerjaan isteri dato?
27. Berapakah bilangan anak-anak dato?
28. Dato mempunyai berapa orang anak lelaki?
29. Dato mempunyai berapa orang bilangan anak perempuan?
30. Apakah pekerjaan anak-anak dato?
31. Bagaimanakah cara dato' mendidik anak ketika kecil?
32. Berapakah umur anak-anak datp bermula yang sulong sehingga yang bongsu?
33. Adakah anak-anak dato sudah ada yang berumah tangga?
34. Berapa ramaikah anak dato yang berumah tangga?
35. Adakah dato sudah mempunyai cucu?
36. Berapakah bilangan cucu dato?
37. Siapakah anak dato yang masih tinggal serumah dengan dato?
38. Apakah panggilan anak-anak dato kepada dato?
39. Apakah panggilan cucu-cucu dato kepada dato?
40. Apakah panggilan anak-anak saudara datp kepada dato?

Latar Belakang Pendidikan

41. Dimanakah sekolah rendah yang pernah dato belajar?
42. Apakah aliran yang diambil dato ketika sekolah menengah?
43. Dimanakah dato menyambung pengajian selepas sekolah menengah?

44. Sebutkan tahap pengajian dato daripada sekolah rendah hingga yang tertinggi
45. Apakah jurusan yang diambil dato semasa di universiti?
46. Ceritakan penglibatan dato dalam persatuan ketika di universiti
47. Gambaran suasana di tempat pengajian dato ketika di unversiti
48. Kenapakah dato memilih untuk mengambil jurusan syariah?
49. Pada tahun bilakah dato menyambung pengajian dalam bidang syariah ini?
50. Bilakah dato tamat pengajian ijazah dan adakah dato menyambung ke peringkat yang lebih tinggi?
51. Apakah pekerjaan dato pada permulaan tamat pengajian?
52. Mengapa dato memilih untuk berkhidmat di sektor ini?

Peranan Jabatan Mufti

53. Gambaran tentang struktur organisasi
54. Apakah fungsi jabatan mufti kelantan dalam kerajaan negeri?
55. Boleh sebutkan antara fatwa yang telah dikeluarkan
56. Adakah mufti mempunyai peranan yang khusus dalam menasihati sultan kelantan?
57. Gambaran tentang jabatan mufti di negeri kelantan? Penubuhan, mufti yang pertama, sumbangan jabatan mufti sebelum ini
58. Mengikut sejarah, berapa orang yang pernah menjawat jawatan sebagai mufti semenjak penubuhannya
59. Bagaimana prosedur perantikan mufti?
60. Adakah lantikan mufti ini secara kontrak atau mengikut prosedur yang biasa?
61. Adakah kelantan mempunyai ahli panel majlis fatwa?
62. Siapakah yang menganggotai panel majlis fatwa?
63. Adakah jawatan mufti ini mempunyai had tempoh perkhidmatannya atau sehingga selagi mana mempunyai keperluan?
64. Dimanakah lokasi pejabat mufti negeri kelantan?
65. Bagaimana sesebuah fatwa itu dikeluarkan?

Sumbangan Beliau

66. Pada tahun bilakah dato menjawat jawatan sebagai mufti?
67. Apakah fatwa yang telah dikeluarkan oleh dato semenjak menjawat jawatan mufti?
68. Apakah penglibatan dato di peringkat kebangsaan?

Tentang Isu-isu semasa

69. Apakah fatwa semasa yang telah dikeluarkan?
70. Bagaimana pandangan dato tentang undang-undang kanun jenayah syariah yang dibentangkan oleh kerajaan negeri?
71. Adakah jabatan mufti terlibat dalam membuat draf enakmen ini sebelum dibentangkan di dewan DUN?
72. Apakah sejarah tentang undang-undang hudud ini dalam sejarah islam sendiri?
73. Apakah hukum bagi seseorang yang mempersendakan undang-undang ini?
74. Apakah jabatan mufti mempunyai peranan untuk menerangkan tentang undang-undang ini kepada masyarakat?
75. Bagaimanakah pelaksanaan undang-undang ini sekiranya dilaksanakan kelak?
76. Apakah pandangan dato tentang isu orang kafir tidak terlibat dalam hukuman undang-undang ini?
77. Apakah undang-undang hudud ini relevan pada masa sekarang di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk?
78. Apakah hukum sekiranya kerajaan yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan undang-undang ini, tapi tidak mahu berusaha untuk melaksanakannya?
79. Boleh ceritakan bagaimana pelaksanaan undang-undang ini dizaman Rasulullah?
80. Adakah Nabi dulu melaksanakan terus atau bagaimana tahap pelaksanaan undang-undang ini ketika zaman Nabi dulu?
81. Pada pengetahuan dato, negara manakah yang sudah melaksanakan undang-undang hudud ini dan adakah ia berjaya mengurangkan kadar jenayah dalam negara tersebut?

82. Bagaimana pendirian orang awam yang perlu diambil? Atau hanya menyerahkan kepada kerajaan samada untuk melaksana ataupun tidak?
83. Boleh dato terangkan serba sedikit tentang pengkelasan dalam jenayah yang mempunyai hudud, qisas dan ta'zir?
84. Apakah pada masa sekarang, Islam membenarkan teknologi kamera litar tertutup, alat rakaman suara boleh digunakan untuk membuat pengecaman terhadap tertuduh?
85. Bagaimana sekiranya yang mencuri itu dalam bentuk kumpulan yang terdiri daripada orang islam dan orang kafir, adakah orang islam sahaja yang disiasat mengikut hukumam hudud dan sekiranya didapati bersalah, adakah orang islam sahaja yang akan dikenakan hukuman potong tangan? Bagaimana dengan orang yang bukan islam yang mempunyai rekod kesalahan yang sama?
86. Tentang GST, apakah pandangan dato sebagai seorang mufti dari sudut agama Islam sendiri?
87. Apakah ada kelonggaran dalam Islam untuk memungut cukai dari orang islam sendiri?
88. Apakah perbezaan antara cukai dan zakat?
89. Apakah hukum sekiranya rakyat membuat demonstrasi menentang GST ini?
90. Dalam islam, bolehkah sekiranya kerajaan menggunakan duit cukai GST ini untuk membayar hutang-hutang kerajaan yang dilakukan oleh kerajaan sendiri?
91. Berkaitan isu GST, adakah ia mempunyai sirah dalam islam tentang perlaksanaannya samada dizaman Nabi, Tabi'in, atau tabi'in atau imam mujtahid?
92. Apakah hukum sekiranya rakyat enggan membayar GST?
93. Apakah kaedah terbaik yang dato boleh cadangkan untuk menggantikan sistem GST sekarang?
94. Bagaimana pandangan dato tentang pendekatan yang digunakan oleh Imam An-Nawawi yang enggan mengeluarkan fatwa untuk kerajaan mengutip cukai dari rakyatnya selagimana kerajaan tidak melepaskan kemewahan yang dimiliki oleh kerajaan?
95. Dato, apakah pengertian sebenar bughoh?
96. Apakah boleh diertikan orang yang mengikuti demonstrasi membantah GST ni sebagai bughoh?

97. Bagaimanakah cara yang terbaik bagi rakyat untuk menyuarakan bantahan mereka pada kerajaan?
98. Apakah GST ini menekan rakyat atau memberi kebaikan kepada rakyat?
99. Sebagai anggota majlis fatwa, apakah sandaran yang digunakan untuk membenarkan sistem GST dan sejauh manakah majlis fatwa kebangsaan menasihatkan kerajaan berhubung dengan GST ini
100. Apakah GST ini perlu dimansuhkan atau diteruskan?

INDEXS

A

AGAMA 20,23,24,26,32,36,
37,38,39,41,45,50,52,59

ANAK 17,18,28,30,31,32,47

ALLAH 50,53,56,59,63

B

BELAJAR 19,21,23,24,26,28,32,33,35

BUGHOH 65,66

C

CUKAI 59,60,61,62,63

F

FATWA 38,43,45,46,47,48,64,68,69,70

G

GST 59,60,63,63,,64,66,67,68,69

H

HOBI 22,23

HUDUD 49,50,52,53,54,55,56,57,58

I

IJAZAH 25,27,28,29,35

K

KAMPUNG 16,17,19,20,21,23,32

KELANTAN 28,38,41,43,44,48,49,60,61

KERAJAAN 51,53,54,60-68

M

MAAHAD 18,22,23,24,32,33,34

MUFTI 37-46, 48,49,51,59,69,70

S

SEKOLAH 18,22,23,24,30,32,33,35,36

SULTAN 16,26,36,40,41,42,43

Z

ZAKAT 38,44,59,60,63